

3 - JUL 1962




NEGERI BRUNEI

No. 2 TAHUN 1962

UNDANG2 KESALAHAN2 PILEHAN RAYA, 1961

Beta bersetuju,



SIR OMAR ALI SAIFUDDIN

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

28hb April, 1962.

UNDANG2 KESALAHAN2 PILEHAN RAYA, 1961.

SUSUNAN BAB2

BAHAGIAN I

Permulaan dan Tafsir.

1. Gelaran pendek dan perkara memakai-nya.
2. Tafsir.

BAHAGIAN II

Kesalahan2 Pilehan Raya.

3. Kesalahan2 yang di-lakukan oleh mana2 orang.
4. Kesalahan2 yang di-lakukan oleh pegawai2 pilehan raya.
5. Menjaga rahsia dalam pilehan2 raya.
6. Kesalahan2 melanggar Bahagian ini.

BAHAGIAN III

Perbuatan2 Yang Tiada Betul.

7. Menyamar diri.
8. Membelanjakan orang.
9. Mempengarohi orang dengan tiada sa-patut-nya.
10. Makan suap.
11. Hukuman2 dan perluchutan2 hak2 kerana melakukan perbuatan yang tiada betul.

BAHAGIAN IV

Wakil Chalun Dalam Pilehan Raya, Belanja2 Pilehan Raya dan Perbuatan2 Yang Salah di-sisi Undang2.

12. Perkara menamakan wakil chalun dalam pilehan raya.
13. Pembatalan kelayakan bagi lantikan sabagai wakil chalun dalam pilehan raya, d.l.l.
14. Membuat lantikan2 dan perjanjian2 melalui wakil chalun dalam pilehan raya.
15. Bayaran perbelanjaan2 melalui wakil chalun dalam pilehan raya.
- 15A. Perkara melarang membelanjakan sa-tengah2 perbelanjaan2.
16. Tempoh menghantar tuntutan2 dan membuat bayaran2 kerana perbelanjaan2 pilehan raya.
17. Upah wakil chalun dalam pilehan raya.

18. Perbelanjaan² persendirian chalun dan perbelanjaan² ronchet.
19. Perbelanjaan² yang lebih daripada perbelanjaan² yang tertinggi sa-kali ada-lah perbuatan yang salah di-sisi undang².
20. Sa-tengah² perbelanjaan yang tertentu ada-lah perbuatan yang salah di-sisi undang².
21. Sa-tengah² pekerjaan yang tertentu ada-lah perbuatan yang salah di-sisi undang².
22. Memelihara hak orang² yang memberi hutang.
- 22A. Kebebasan daripada chukai stem.
23. Penyata dan pengakuan mengenai perbelanjaan² pilihan raya.
24. Penyiaran penerimaan penyata, d.l.l.
25. Majikan² hendak-lah memberi pekerja² masa yang berpatutan untuk mengundi.
26. Perkara menghadkan di'ayah siasah.
- 26A. Perkara melantek perayu² undi.
27. Hukuman kerana di-jatuhkan hukuman kerana melakukan perbuatan yang salah di-sisi undang².

BAHAGIAN V

Mema'afkan Perbuatan yang Tiada Betul atau Perbuatan yang Salah Di-sisi Undang².

28. Penyata melepaskan chalun dalam sa-tengah² perkara² yang tertentu berkenaan dengan perbuatan yang tiada betul dan yang salah di-sisi undang² yang di-lakukan oleh wakil²-nya.
29. Kuasa mengechualikan perbuatan yang tiada di-sengajakan daripada di-jadikan perbuatan yang tiada betul, d.l.l.
30. Sebab yang di-luluskan kerana tiada mengikut kandungan² berkenaan dengan penyata dan pegakuan mengenai perbelanjaan² pilihan raya.

BAHAGIAN VI

Alasan² Kerana membatalkan pemilihan² Chalun².

31. Chalun yang di-pilih tiada sah terpilih kerana di-jatuhkan hukuman ka-atas-nya.
32. Chalun yang di-pilih tiada sah terpilih akibat rayuan pilihan raya.

BAHAGIAN VII

Rayuan² Pilihan Raya.

33. Lantekan dan kuasa² Hakim Pilihan Raya.
34. Siapa yang boleh menyampaikan rayuan.

35. Perkara2 rayuan yang boleh di-tuntut.
36. Pengesahan Hakim berkenaan dengan sah-nya pilihan raya.
37. Penyata Hakim berkenaan dengan perbuatan yang tiada betul dan yang salah di-sisi undang2.
38. Masa menyampaikan rayuan.
39. Perkara melarang menyatakan undi.
40. Undi2 yang hendak di-potong pada masa di-jalankan pemereksaan undi yang rasmi.
41. Keputusan pegawai pengurus menolak undi ada-lah mu'tamad.
42. Chara dan perkara yang hendak di-jalankan mengenai rayuan2 pilihan raya.

Jadual Pertama — Borang2.

Jadual Kedua — Atoran2 Rayuan Pilihan Raya.

KESALAHAN² PILEHAN RAYA, 1961.

Satu Undang² untok mencheegah berlaku-nya kesa-
lahan² mengundi dan perbuatan² yang tiada betul
dan yang salah di-sisi undang² pada masa di-
adakan pilehan² raya; untok mengadakan perkara
melantek wakil² chalun dalam pilehan raya dan
mengawal belanja² pilehan raya; untok mengadakan
perkara rayuan² berkenaan dengan pilehan raya.

[28.4.1962]

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang
Maha Mulia Sultan dengan nasehat dan persetujuan
Majlis Mashuarat Negeri saperti berikut:

BAHAGIAN I

Permulaan dan Tafsir

Gelaran
pendek

1. Undang² ini boleh di-gelar sabagai Undang²
Kesalahan² Pilehan Raya, 1961.

Tafsir.

2. (1) Dalam Undang² ini, kechuali jika maksud-
nya berkehendakkan ma'ana yang lain —

“di-benarkan” berma'ana di-benarkan oleh
atau di-bawah mana² undang² bertulis
berkenaan dengan sa-suatu pilehan raya;

“kawasan pemilihan” berma'ana sabuah ka-
wasan yang di-tentukan di-bawah kan-
dongan² mana² undang² bertulis bagi
maksud memilih saorang atau beberapa
orang wakil ka-sabuah majlis mashuarat
atau lembaga dan termasuk sabuah kum-
polan pengundi;

“pilehan raya” berma'ana suatu pilehan raya
yang di-adakan mengikut kandungan²
mana² undang² bertulis mengenai per-
kara memilih orang² menjadi ahli² sa-
buah Majlis Mashuarat Daerah atau
Majlis Mashuarat Negeri, mengikut
mana yang di-kehendaki;

“wakil chalun dalam pilehan raya” berma’ana orang yang di-lantek di-bawah bab 12 oleh saorang chalun pilehan raya menjadi wakil-nya bagi pilehan raya tersebut;

“Hakim Pilehan Raya” berma’ana Hakim Besar atau mana2 Hakim yang di-namakan oleh Hakim Besar di-bawah bab 33;

“berhak” berma’ana berhak oleh atau di-bawah mana2 undang2 bertulis mengenai sa-suatu pilehan raya;

“pegawai yang benar” berma’ana pegawai atau orang yang di-lantek oleh atau di-bawah mana2 undang2 bertulis mengenai sa-suatu pilehan raya untuk menjaga, atau untuk menjalankan, pilehan raya itu.

(2) Apa2 perkataan atau kalimah yang di-gunakan dalam Undang2 ini, yang ma’ana-nya telah di-ijmalkan dalam mana2 undang2 bertulis mengenai mana2 pilehan raya, hendak-lah mempunyai ma’ana yang sama dalam Undang2 ini, bagi maksud2 dan dengan sebutan kapada pilehan raya tersebut, sabagaimana yang terkandung ma’ana-nya dalam undang2 bertulis tersebut; dan apa2 sebutan dalam Undang2 ini kapada mana2 orang atau pegawai hendak-lah di-fahamkan, bagi maksud2 dan dengan sebutan kapada sa-suatu pilehan raya, sabagai suatu sebutan kapada mana2 orang atau pegawai yang sa-banding yang telah di-lantek di-bawah atau dengan kuat-kuasa mana2 undang2 bertulis mengenai pilehan raya tersebut itu.

BAHAGIAN II

Kesalahan2 Pilehan Raya

Kesalahan2 yang di-lakukan oleh mana2 orang.

3. Barang siapa yang —
 - (a) membuat dengan di-ketahui-nya apa2 kenyataan palsu pada atau berhubong

dengan sa-suatu permohonan untuk dimasukkan nama-nya ka-dalam mana² daftar pengundi²; atau

- (b) meniru atau menchachatkan atau merosakkan mana² kertas menamakan chalun dengan tujuan hendak menipu, atau menghantarkan kepada saorang pegawai pengurus mana² kertas menamakan chalun dengan mengetahui bahawa kertas itu telah di-tiru; atau
- (c) meniru atau menyalin atau menchachatkan atau merosakkan mana² kertas undi atau tanda rasmi pada mana² kertas undi dengan tujuan hendak menipu; atau
- (d) memberi mana² kertas undi kepada sesiapa dengan tiada mendapat kebenaran yang tertentu; atau
- (e) menjual atau menawar hendak menjual mana² kertas undi kepada sesiapa atau membeli atau menawar hendak membeli mana² kertas undi daripada sesiapa; atau
- (f) ada menyimpan mana² kertas undi yang telah di-tandakan dengan tanda yang di-benarkan pada hal ia bukan-nya saorang yang berhak menyimpan kertas undi itu; atau
- (g) memasokkan ka-dalam mana² peti undi apa² benda yang lain daripada kertas undi yang ia di-benarkan oleh undang² memasokkan-nya; atau
- (h) membawa keluar daripada tempat buang undi mana² kertas undi dengan tiada mendapat kebenaran yang tertentu atau di-dapati pada-nya mana² kertas undi di-luar tempat buang undi; atau
- (i) dengan tiada mendapat kebenaran yang tertentu merosakkan, mengambil, membuka atau membuat apa² dengan lain²

jalan kepada mana2 peti undi, kertas undi atau bungkusan kertas2 undi yang di-gunakan atau hendak di-gunakan bagi maksud2 sa-suatu pilehan raya; atau

- (j) dengan tiada mendapat kebenaran yang tertentu mengechap mana2 kertas undi atau pun yang di-ibaratkan menjadi kertas undi atau boleh di-gunakan sabagai kertas undi dalam sa-suatu pilehan raya; atau
- (k) bagi maksud2 sa-suatu pilehan raya, membuat, membikin, membawa masuk ka-dalam Negeri, menyimpan, memberi atau menggunakan atau memerentahkan supaya di-buat, di-bikin, di-bawa masuk ka-dalam Negeri, di-berikan atau di-gunakan, apa2 perkakas, alat atau jentera yang boleh menarek keluar, merosakkan atau mengusek kertas undi sa-telah di-masokkan ka-dalam sabuah peti undi pada masa membuang undi dalam sa-suatu pilehan raya; atau
- (l) mengundi dalam mana2 pilehan raya pada masa ia tiada berhak mengundi dalam pilehan raya itu; atau
- (m) mengechap apa2 i'lan, pemberitahu, pelekat atau poster yang bersangkutan paut dengan suatu pilehan raya dan mengandongi suatu tiruan kertas undi, atau yang di-ibaratkan menjadi kertas undi, untok di-gunakan atau harus di-gunakan dalam pilehan raya tersebut itu:

Dengan syarat bahawa tiada sa-suatu pun dalam fasal ini akan di-anggap melarang perkara mengechapkan mana2 i'lan, pemberitahu, pelekat atau poster yang tersebut yang menunjukkan nama atau chogan saorang chalun sahaja, bersama2 dengan suatu tiruan pangkah atau lain2 tanda menunjukkan persetujuan pada nama atau chogan yang tersebut itu;

akan boleh di-kenakan hukuman penjara selama tiada lebeh dari dua tahun atau denda yang tiada lebeh dari dua ribu ringgit atau kedua²-nya penjara dan denda tersebut dan, terta'alok kepada mana² kandungan yang berlawanan dalam mana² undang² bertulis mengenai sa-suatu pilehan raya, tiada boleh di-daftarkan sabagai saorang pengundi atau mengundi dalam mana² pilehan raya atau di-pilih dalam mana² pilehan raya sa-hingga lepas lima tahun dari masa di-jatuhkan hukuman ka-atas-nya atau dari masa di-bebaskan daripada hukuman penjara itu, ia-itu mana yang terkemudian, dan jika pada tarikh itu ia telah terpilih dalam mana² pilehan raya, maka hendak-lah ia di-berhentikan menjadi ahli mulai dari tarikh di-jatuhkan hukuman tersebut ka-atas-nya.

Kesalahan² yang di-lakukan oleh pegawai² pilehan raya.

4. Mana² pegawai, kerani, juru bahasa atau lain² orang yang ada apa² pekerjaan yang hendak di-jalankan menurut mana² undang² bertulis mengenai sa-suatu pilehan raya yang —

- (a) membuat, di-dalam mana² rekod, penyata atau lain² surat yang ia di-kehendaki menyimpan atau membuat-nya di-bawah mana² undang² bertulis tersebut, apa² kenyataan yang di-ketahui-nya palsu atau yang ia ada sebab yang musnasabah untok memperchayai bahawa kenyataan itu palsu, atau yang ia tiada perchaya bahawa kenyataan itu betul; atau
- (b) membenarkan sesiapa yang di-ketahui-nya bukan buta atau bukan tiada berdaya atau yang ia ada sebab yang musnasabah untok memperchayai bahawa orang itu bukan buta atau bukan tiada berdaya supaya mengundi dengan chara yang di-adakan bagi orang² buta atau orang² yang tiada berdaya, mengikut mana yang di-kehendaki; atau

- (c) enggan membenarkan sesiapa yang di-ketahui-nya buta atau tiada berdaya atau yang ia ada sebab yang munasabah un- tok memperchayai bahawa orang itu buta atau tiada berdaya supaya meng- undi dengan chara yang di-adakan bagi orang2 buta atau orang2 yang tiada ber- daya, mengikut mana yang di-kehendaki; atau
- (d) dengan sengaja menghalang sesiapa daripada mengundi di-tempat buang undi yang di-ketahui-nya berhak meng- undi di-tempat itu atau yang ia ada sebab yang munasabah un- tok memperchayai bahawa orang itu berhak mengundi di- tempat itu; atau
- (e) dengan sengaja menolak atau enggan mengira mana2 kertas undi yang di- ketahui-nya sah di-buang sabagai undi atau yang ia ada sebab un- tok memper- chayai bahawa kertas undi itu sah di- buang sabagai undi bagi mana2 chalun mengikut kandungan2 undang2 bertulis tersebut; atau
- (f) dengan sengaja mengira mana2 kertas undi sabagai undi yang di-buang bagi mana2 chalun, pada hal di-ketahui-nya atau ada sebab un- tok memperchayai yang kertas undi itu tiada sah di-buang bagi chalun tersebut; atau
- (g) bersalah kerana melakukan atau tiada melakukan sa-suatu yang melanggar ke- wajiban rasmi-nya dengan tiada sebab yang semporna,

akan boleh di-kenakan hukuman penjara selama ti- ada lebeh dari dua tahun atau denda yang tiada lebeh dari dua ribu ringgit atau kedua2-nya penjara dan denda tersebut dan, terta'alok kepada mana2 kandungan yang tertentu yang berlawanan dalam mana2 undang2 bertulis mengenai sa-suatu pilehan raya, tiada boleh di-daftarkan sabagai saorang peng-

undi atau mengundi dalam mana² pilehan raya atau di-pilih dalam mana² pilehan raya, sa-hingga lepas lima tahun dari masa di-jatuhkan hukuman ka-atas-nya atau dari masa di-bebaskan dia daripada hukuman penjara itu, ia-itu mana yang terkemudian, dan jika pada tarikh itu ia telah terpilih dalam mana² pilehan raya, maka hendak-lah ia di-berhentikan menjadi ahli mulai dari tarikh di-jatuhkan hukuman tersebut ka-atas-nya.

Menjaga rahsia
lam pilehan²
aya.

5. (1) Tiap² orang pegawai, kerani, juru bahasa, chalun, wakil dan lain² orang (kemudian daripada ini di-sebut dalam bab ini "orang yang di-benarkan") yang di-benarkan menghadziri di-sabua² tempat buang undi, atau pada masa mengira undi, hendak-lah mengangkat Sumpah Menyimpan Rahsia, sabagaimana yang tertara di-dalam Borang A dalam Jadual Pertama, sa-belum hadir di-tempat buang undi atau di-tempat mengira undi itu.

(2) Tiap² orang pegawai, kerani, juru bahasa, chalun, wakil dan orang yang di-benarkan yang hadziri di-tempat buang undi hendak-lah menjaga, dan membantu menjaga, perkara merahsiakan undian itu di-tempat tersebut, dan tiada boleh memberitahu kapada sesiapa, melainkan bagi sa-suatu maksud yang di-benarkan oleh undang², sa-belum kerja membuang undi itu di-berhentikan, apa² penerangan berkenaan dengan nama atau nombor mana² pengundi dalam daftar pengundi² yang telah meminta atau belum meminta satu kertas undi atau yang telah mengundi atau belum mengundi di-tempat itu, atau berkenaan dengan tanda rasmi, tetapi jumlah bilangan pengundi² yang telah mengundi di-mana² tempat buang undi pada bila² masa sa-belum kerja membuang undi itu di-berhentikan boleh di-beritahu mengikut pertimbangan pegawai pengurus kapada chalun atau wakil-nya yang di-benarkan hadir di-tempat buang undi itu.

(3) Tiada saorang jua pun pegawai, kerani, juru bahasa, chalun, wakil atau orang yang di-benarkan tersebut dan tiada sesiapa jua pun boleh menchuba hendak mendapatkan di-tempat buang undi itu pe-

nerangan berkenaan dengan chalun yang sedang hendak di-undi atau telah di-undi dalam tempat buang undi itu oleh mana2 pengundi, atau memberitahu kepada sesiapa pada bila2 masa apa2 penerangan yang di-dapati-nya dalam tempat buang undi berkenaan dengan chalun yang sedang hendak di-undi atau telah di-undi dalam tempat buang undi itu oleh mana2 pengundi, atau berkenaan dengan nombor kertas undi yang di-beri kepada mana2 pengundi ditempat buang undi tersebut itu.

(4) Tiap2 orang pegawai, kerani, juru bahasa, chalun, wakil dan orang yang di-benarkan yang hadir pada masa mengira undi hendaklah menjaga, dan membantu menjaga, perkara merahsiakan undian itu, dan tiada boleh chuba memberitahu apa2 penerangan yang di-dapati-nya pada masa mengira undi tersebut berkenaan dengan chalun yang di-undi dalam mana2 kertas undi yang tertentu.

(5) Tiada seorang jua pun, kechuali seorang pegawai pengurus yang menjalankan kerja bagi maksud yang di-benarkan oleh mana2 undang2 bertulis mengenai sa-suatu pilihan raya atau seorang yang di-benarkan oleh pegawai pengerusi itu dan yang menjalankan kerja bagi maksud yang telah di-sebutkan di-atas, boleh berhubong atau chuba hendak berhubong dengan mana2 pengundi sa-telah pengundi tersebut menerima satu kertas undi dan sebelum pengundi itu memasokkan kertas undi itu kedalam sebuah peti undi.

(6) Tiap2 orang yang melakukan sa-suatu yang melanggar kandungan2 bab ini akan boleh di-kenakan hukuman penjara selama enam bulan atau denda sa-banyak lima ratus ringgit atau kedua2-nya penjara dan denda tersebut.

**Kesalahan2
melanggar
Bahagian ini.**

6. (1) Tiap2 orang yang bersubahat melakukan atau chuba hendak melakukan sa-suatu kesalahan yang di-sebutkan di-dalam Bahagian ini akan boleh menerima hukuman dan perluchutan hak-nya sabagai mana yang di-tentukan bagi kesalahan itu.

Panggal 7

(2) Tiap² kesalahan mengikut Bahagian ini adalah menjadi satu kesalahan yang lazim boleh ditangkap dengan tiada waran mengikut ma'ana Undang² Peratoran Jenayah.

(3) Dalam satu penda'waan kerana satu kesalahan berkenaan dengan kertas menamakan chalun, peti undi, kertas undi atau alat membuat tanda dalam suatu pilehan raya, maka kertas menamakan chalun, peti undi, kertas undi atau alat membuat tanda tersebut itu dan juga pangkal sebarang kertas undi, boleh-lah di-katakan hak kepunyaan pegawai pengurus dalam pilehan raya itu.

(4) Suatu penda'waan bagi satu kesalahan dibawah Bahagian ini tiada boleh di-jalankan dengan tiada mendapat kebenaran daripada Penda'wa Raya.

BAHAGIAN III

Perbuatan² Yang Tiada Betul

Menyamar diri.

7. Tiap² orang yang meminta pada sa-suatu pilehan raya satu kertas undi atas nama orang lain, sama ada nama itu nama orang yang maseh hidup atau sudah mati, atau nama saorang yang di-buat² sahaja atau tiap² orang yang telah mengundi sa-kali dalam sa-suatu pilehan raya tersebut itu, kemudian meminta lagi pada pilehan raya itu juga satu kertas undi atas nama-nya sendiri, ada-lah bersalah kerana melakukan kesalahan menyamar diri.

Membelanjakan orang.

8. Tiap² saorang yang dengan jalan yang tiada betul, dengan sendiri-nya atau dengan menggunakan orang lain, sama ada sa-belum, dalam masa atau salepas sa-suatu pilehan raya, dengan sechara langsung atau tiada langsung memberi atau menyediakan atau memerentahkan supaya di-beri atau di-sediakan, atau mengambil bahagian pada memberi atau menyediakan, atau membayar atau mengaku hendak membayar kesemua atau sabahagian daripada, perbelanjaan memberi atau menyediakan apa² makan-

an, minuman, jamuan atau bekalan, atau apa2 wang atau teket atau lain2 chara atau muslihat bagi mendapat apa2 makanan, minuman, jamuan atau bekalan, kapada atau bagi sesiapa bagi maksud mempengaruhi orang itu atau lain2 orang dengan jalan yang tiada betul supaya memberikan atau enggan daripada memberikan undi-nya dalam pilihan raya tersebut itu atau oleh kerana orang tersebut itu atau lain2 orang telah mengundi atau telah enggan daripada mengundi atau sedang hendak mengundi atau sedang enggan daripada hendak mengundi dalam pilihan raya tersebut itu, dan tiap2 pemilih atau pengundi yang menerima atau mengambil dengan jalan yang tiada betul apa2 makanan, minuman, jamuan atau bekalan itu, atau apa2 wang atau teket atau menggunakan lain2 chara atau muslihat itu bagi mendapat makanan, minuman, jamuan atau bekalan tersebut ada-lah bersalah kerana melakukan kesalahan membelanjakan orang.

Mempengaruhi orang dengan tiada sa-patut-nya.

9. Tiap2 orang yang dengan sechara langsung atau tiada langsung, dengan sendiri-nya atau dengan menggunakan orang lain bagi pehak-nya, menggunakan atau mengugot hendak menggunakan sebarang paksa, kekerasan, atau sekatan, atau melakukan atau mengugot hendak melakukan, dengan sendiri-nya atau dengan menggunakan orang lain, apa2 kechederaan, kebinasaan, kerosakan atau kerugian, sama ada dzahir atau batin, kapada atau terhadap sesiapa dengan tujuan hendak memujuk atau memaksa orang tersebut supaya mengundi atau enggan daripada mengundi, atau oleh kerana orang tersebut telah mengundi atau telah enggan daripada mengundi dalam sa-suatu pilihan raya, atau tiap2 orang yang menyekat atau menghalang mana2 pemilih atau pengundi daripada menjalankan hak-nya untok membuang undi dengan bebas dengan jalan melarikan, memaksa atau menggunakan apa2 muslihat atau daleh sechara menipu terhadap orang itu atau dengan jalan yang demikian memaksa, memujuk atau mempengaruhi mana2 pemilih atau pengundi sama ada supaya memberikan atau supaya enggan dari-

pada memberikan undi-nya dalam sa-suatu pilihan raya, ada-lah bersalah kerana melakukan kesalahan mempengaruhi orang dengan tiada sa-patut-nya.

Makan suap.

10. Orang² yang berikut ini hendak-lah di-anggapkan bersalah kerana melakukan kesalahan makan suap :

(a) tiap² orang yang dengan sechara langsung atau tiada langsung, dengan sendiri-nya atau dengan menggunakan mana² orang lain bagi pehak-nya, memberi, meminjamkan, atau bersetuju hendak memberi atau meminjamkan, atau menawarkan, menjanjikan, atau berjanji hendak mendapatkan atau chuba hendak mendapatkan, apa² wang atau barang yang berharga kepada atau bagi mana² pemilih atau pengundi, atau kepada atau bagi mana² orang bagi pehak mana² pemilih atau pengundi atau kepada atau bagi lain² orang, dengan tujuan hendak memujok mana² pemilih atau pengundi supaya mengundi atau enggan daripada mengundi, atau melakukan apa² perbuatan yang di-sebutkan di-atas dengan jalan yang tiada betul oleh kerana pemilih atau pengundi tersebut itu telah mengundi atau telah enggan daripada mengundi dalam mana² pilihan raya;

(b) tiap² orang yang dengan sechara langsung atau tiada langsung, dengan sendiri-nya atau dengan menggunakan mana² orang lain bagi pehak-nya, memberi atau mendapatkan, atau bersetuju hendak memberi atau mendapatkan, atau menawarkan, menjanjikan, atau berjanji hendak mendapatkan atau chuba hendak mendapatkan, apa² jawatan, tempat atau pekerjaan kepada atau bagi mana² pemilih atau pengundi, atau kepada atau bagi sesiapa bagi pehak mana² pemilih atau peng-

undi, atau kepada atau bagi lain2 orang, dengan tujuan hendak memujuk pemilih atau pengundi tersebut supaya mengundi atau enggan daripada mengundi, atau melakukan apa2 perbuatan yang di-sebutkan di-atas dengan jalan yang tiada betul oleh kerana mana2 pemilih atau pengundi itu telah mengundi atau telah enggan daripada mengundi dalam mana2 pilehan raya;

- (c) tiap2 orang yang dengan sechara langsung atau tiada langsung, dengan sendiri-nya atau dengan menggunakan mana2 orang lain bagi pihak-nya, memberi apa2 hadiah, pinjaman, tawaran, janji, mendapatkan jawatan, tempat atau pekerjaan atau bersetuju membuat saperti yang di-sebutkan di-atas kepada atau bagi sesiapa dengan tujuan hendak memujuk orang tersebut supaya mendapatkan atau chuba mendapatkan, supaya sa-saorang itu terpilih, atau supaya mendapatkan undi mana2 pemilih atau pengundi dalam mana2 pilehan raya;
- (d) tiap2 orang yang mendapatkan atau mengaku, berjanji atau chuba mendapatkan, supaya sa-saorang itu terpilih, atau supaya mendapatkan undi mana2 pemilih atau pengundi dalam sa-suatu pilehan raya, apabila atau sa-lepas menerima hadiah, pinjaman, tawaran, janji, mendapatkan jawatan, tempat atau pekerjaan atau bersetuju membuat saperti yang di-sebutkan di-atas itu;
- (e) tiap2 orang yang mendahulukan atau membayar atau memerentahkan supaya di-bayar apa2 wang kepada, atau untuk kegunaan, orang lain dengan tujuan supaya wang tersebut itu atau sabahagian daripada-nya akan di-gunakan

untuk memberi makan suap dalam mana2 pilehan raya atau tiap2 orang dengan di-ketahui-nya membayar atau memerentahkan supaya di-bayar apa2 wang kepada sesiapa kerana menjelaskan atau membayar balek kesemua-nya atau sabahagian daripada-nya apa2 wang yang telah di-gunakan untuk memberi makan suap dalam mana2 pilehan raya tersebut itu;

- (f) tiap2 pemilih atau pengundi yang sebelum atau dalam masa mana2 pilehan raya dengan sechara langsung atau tiada langsung, dengan sendiri-nya atau dengan menggunakan mana2 orang lain bagi pihak-nya, menerima, memperse-tujui, atau membuat perjanjian tentang apa2 wang, hadiah, pinjaman atau barang yang berharga, jawatan, tempat atau pekerjaan, bagi diri-nya atau bagi orang lain, supaya mengundi atau bersetuju mengundi atau enggan daripada mengundi atau bersetuju supaya enggan daripada mengundi dalam mana2 pilehan raya tersebut itu;
- (g) tiap2 orang yang sa-lepas mana2 pilehan raya, dengan sechara langsung atau tiada langsung, dengan sendiri-nya atau dengan menggunakan mana2 orang lain bagi pihak-nya, menerima apa2 wang atau barang yang berharga oleh kerana sesiapa telah mengundi atau telah enggan daripada mengundi atau telah memujuk mana2 orang lain supaya mengundi atau enggan daripada mengundi dalam mana2 pilehan raya tersebut itu;
- (h) tiap2 orang yang dengan sechara langsung atau tiada langsung, dengan sendiri-nya atau dengan menggunakan mana2 orang lain bagi pihak-nya, oleh kerana dan sebagai bayaran mengundi

atau telah mengundi atau bersetuju atau telah bersetuju hendak mengundi mana2 chalun dalam sa-suatu pilihan raya, atau oleh kerana dan sabagai bayaran yang ia telah menolong atau bersetuju hendak menolong mana2 chalun dalam sa-suatu pilihan raya, meminta kepada chalun tersebut itu, atau kepada wakil atau wakil2-nya, hadiah atau pinjaman apa2 wang atau barang yang berharga, atau supaya berjanji memberikan hadiah atau meminjamkan apa2 wang atau memberikan barang yang berharga, atau supaya mendapatkan apa2 jawatan, tempat atau pekerjaan atau supaya berjanji mendapatkan apa2 jawatan, tempat atau pekerjaan;

- (i) tiap2 orang yang dengan sechara langsung atau tiada langsung, dengan sendiri-nya atau dengan menggunakan mana2 orang bagi pihak-nya, dengan tujuan hendak memujuk mana2 orang lain supaya bersetuju di-namakan sebagai saorang chalun atau supaya enggan daripada menjadi saorang chalun atau supaya menarek diri jika telah menjadi saorang chalun, memberikan atau mendapatkan apa2 jawatan, tempat atau pekerjaan, atau bersetuju hendak memberi atau mendapatkan atau menawarkan atau berjanji hendak mendapatkan atau chuba hendak mendapatkan apa2 jawatan, tempat atau pekerjaan, kepada atau bagi orang lain tersebut itu, atau memberikan atau meminjamkan, atau bersetuju hendak memberikan atau meminjamkan, atau menawarkan, atau berjanji hendak mendapatkan atau chuba hendak mendapatkan apa2 wang atau barang yang berharga kepada atau bagi sesiapa atau kepada atau bagi orang lain tersebut

itu, atau kapada atau bagi sesiapa bagi pehak orang lain tersebut itu.

Hukuman² dan perluchutan² hak² kerana melakukan perbuatan yang tiada betul.

11. (1) Tiap² orang yang —

- (a) melakukan kesalahan menyamar diri, atau menolong, atau bersubahat, menasehatkan atau mendapatkan orang melakukan kesalahan menyamar diri; atau
- (b) melakukan kesalahan membelanjakan orang, mempengaruhi orang dengan tiada sa-patut-nya atau memberi makan suap; atau
- (c) mengechap, menerbitkan, membahagi²kan atau menampalkan atau memerentahkan supaya di-chap, di-terbitkan, di-bahagi²kan atau di-tampalkan apa² i'lan, pemberitahu, pelekat atau poster mengenai mana² pilehan raya dan tiada bertulis di-sabelah hadapan-nya nama² dan alamat² penchitak dan penerbit-nya; atau
- (d) membuat atau menerbitkan, sa-belum atau dalam masa sa-suatu pilehan raya, bagi maksud mengganggukan pemilihan mana² chalun, apa² kenyataan yang palsu berkenaan dengan perangai atau kelakuan chalun tersebut itu; atau
- (e) membuat atau menerbitkan, sa-belum atau dalam masa sa-suatu pilehan raya, bagi maksud mengusahakan dan mendapatkan pemilihan mana² chalun, apa² kenyataan yang palsu yang mengatakan lain² chalun dalam pilehan raya tersebut itu menarek diri; atau
- (f) sabagai saorang chalun atau wakil chalun dalam pilehan raya dengan di-keta-hui-nya membuat pengakuan yang palsu berkenaan dengan belanja² pilehan raya yang di-kehendaki oleh bab 23;

ada-lah bersalah kerana melakukan satu perbuatan yang tiada betul, dan apabila di-jatuhkan hukuman ka-atas-nya oleh Majisterat Kelas Satu, akan boleh di-kenakan hukuman penjara selama dua belas bulan dan denda yang tiada kurang dari dua ratus lima puluh ringgit dan tiada lebeh dari sa-ribu ringgit, dalam perkara yang di-sebutkan dalam fasal (a) dari cheraian ini, dan hukuman penjara selama enam bulan dan denda sa-banyak lima ratus ringgit, dalam lain2 perkara.

Panggal 7

(1A) Kesalahan2 di-bawah fasal2 (a) dan (b) dari cheraian yang lepas ini ia-lah kesalahan2 yang lazim boleh di-tangkap dengan tiada waran mengikut ma'ana Undang2 Peratoran Jenayah.

(2) Tiap2 orang yang telah di-jatuhkan hukuman ka-atas-nya kerana melakukan satu perbuatan yang tiada betul, terta'alok kapada mana2 kandungan yang tertentu yang berlainan daripada itu dalam mana2 undang2 bertulis mengenai sa-suatu pilihan raya akan, apabila di-jatuhkan hukuman itu, terluchut hak-nya untok di-daftarkan sabagai sa-orang pemilih atau untok mengundi dalam sa-suatu pilihan raya atau untok di-pilih dalam sa-suatu pilihan raya, dan jika pada tarikh itu ia telah terpilih dalam sa-suatu pilihan raya, maka hendak-lah ia di-berhentikan menjadi ahli mulai dari tarikh di-jatuhkan hukuman tersebut ka-atas-nya :

Dengan syarat bahawa kekurangan hak2 ini akan tamat sa-lepas lima tahun dari masa di-jatuhkan hukuman ka-atas-nya atau dari masa di-bebas-kan dia daripada hukuman penjara, ia-itu mana yang terkemudian.

(3) Suatu penda'waan kerana melakukan satu perbuatan yang tiada betul melainkan yang di-sebutkan dalam fasal2 (d) dan (e) dari cheraian (1) dari bab ini tiada boleh di-jalankan dengan tiada mendapat kebenaran Penda'wa Raya.

BAHAGIAN IV

**Wakil Chalun Dalam Pilehan Raya,
Belanja² Pilehan Raya dan Perbuatan²
Yang Salah Di-sisi Undang²**

Perkara
menamakan
wakil chalun
dalam pilehan
raya.

12. (1) Pada atau sa-belum hari menamakan chalun dalam sa-suatu pilehan raya sa-saorang hendak-lah di-namakan dengan bersurat oleh atau bagi pehak tiap² orang chalun untuk menjadi wakil-nya dalam pilehan raya tersebut itu.

(2) Saorang chalun boleh menamakan diri-nya sendiri sabagai wakil chalun dalam pilehan raya, dan sa-telah berbuat demikian hendak-lah ia, sa-berapa yang keadaan² membenarkan, terta'alok kapada kandungan² Undang² ini, kedua²-nya sabagai chalun dan sabagai wakil chalun dalam pilehan raya, dan apa² sebutan dalam Undang² ini kapada saorang wakil chalun dalam pilehan raya hendak-lah di-fahamkan sabagai sebutan kapada chalun itu menjalankan kerja-nya sabagai wakil chalun dalam pilehan raya.

(3) Pada atau sa-belum hari menamakan chalun nama dan alamat wakil chalun dalam pilehan raya bagi tiap² orang chalun hendak-lah di-beritahu dengan pengakuan yang bertulis oleh chalun itu atau lain² orang bagi pehak-nya kapada pegawai pengurus, dan pegawai pengurus hendak-lah dengan serta merta memberitahu kapada orang ramai nama dan alamat tiap² orang wakil chalun dalam pilehan raya yang di-beritahu dengan pengakuan saperti itu, dengan jalan menampalkan satu pemberitahu pada suatu tempat yang jelas kelihatan di-luar pejabat-nya.

(4) Hanya saorang wakil chalun dalam pilehan raya sahaja yang boleh di-lantek bagi tiap² orang chalun, akan tetapi lantekan itu boleh di-batalkan, sama ada wakil chalun dalam pilehan raya yang di-lantek itu chalun itu sendiri atau bukan, dan jika lantekan itu di-batalkan sedemikian atau jika chalun itu mati, sama ada pembatalan lantekan atau kema-

tian tersebut itu berlaku sa-belum, dalam masa atau sa-lepas pilehan raya itu, maka hendak-lah di-lantek saorang wakil chalun dalam pilehan raya yang lain dengan serta merta, dan nama serta alamat-nya hendak-lah di-beritahu dengan pengakuan yang bertulis kapada pegawai pengurus, siapa hendak-lah dengan serta merta memberitahu kapada orang ramai akan nama dan alamat itu dengan chara yang di-sebutkan di-atas.

(5) Jika nama dan alamat sa-saorang tiada di-beritahu dengan pengakuan sabagaimana yang di-kehendaki oleh cheraian (3) dari bab ini, maka chalun itu hendak-lah di-anggapkan pada masa itu telah menamakan diri-nya sendiri sabagai wakil chalun dalam pilehan raya dan telah membatalkan mana2 lantekan orang lain sabagai wakil chalun dalam pilehan raya bagi-nya.

(6) Tiap2 orang wakil chalun dalam pilehan raya hendak-lah mempunyai, dalam kawasan pemilihan yang ia-nya menjadi saorang wakil chalun dalam pilehan raya, sabuah pejabat tempat di-mana bolch di-hantar segala tuntutan2, pemberitahu2, surat2 perintah, saman2 dan surat2 dan alamat pejabat tersebut itu hendak-lah di-beritahu dengan pengakuan kapada pegawai pengurus pada masa wakil itu di-lantek, dan hendak-lah di-nyatakan di-dalam pemberitahu kapada orang ramai di-bawah cheraian (3) dari bab ini bersama2 dengan nama wakil chalun dalam pilehan raya itu dan alamat-nya.

Pembatalan kelayakan bagi lantekan sabagai wakil chalun dalam pilehan raya, d.1.1.

13. (1) Terta'alok kapada kandongan2 cheraian (2) dari bab 12, sa-saorang itu tiada berkelayakan untok di-lantek sabagai saorang wakil chalun dalam pilehan raya, wakil chalun di-tempat mengira undi jika —

- (a) ia bukan-nya saorang ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan;
- (b) ia berumor kurang daripada dua puluh satu tahun;
- (c) dalam masa lima tahun sa-belum hari menamakan chalun dalam pilehan raya

itu ia telah di-jatuhkan hukuman ka-atas-nya kerana melakukan apa² kesalah-an yang terbabit dengan kekerasan atau tipu-menipu oleh sabuah mahka-mah undang² dalam Negeri dan ia be-lum menerima ampun untok di-bebas-kan;

(d) dalam masa lima tahun sa-belum hari menamakan chalun dalam pilehan raya itu ia telah di-jatuhkan hukuman ka-atas-nya atau telah di-bebaskan dari-pada penjara sa-telah menjalankan satu hukuman penjara kerana melakukan apa² kesalahan di-bawah Undang² ini;

(e) dalam masa lima tahun sa-belum hari menamakan chalun dalam pilehan raya itu ia telah di-jatuhkan hukuman ka-atas-nya kerana melakukan satu kesalah-an di-bawah Undang² Persekutu-an²;

(f) ia ada-lah saorang yang berthabit de-ngan-nya satu perintah telah di-buat di-bawah Undang² Persekutuan².

Panggal 66

Panggal 66

(2) Tiada saorang pegawai, kerani, juru bahasa atau orang lain yang mempunyai pekerjaan untok di-jalankan menurut mana² undang² bertulis mengenai mana² pilehan raya akan di-lantek sabagai saorang wakil chalun dalam pilehan raya atau bertindak sabagai saorang wakil bagi saorang chalun dalam menjalankan atau menguruskan mana² pilehan raya.

**Membuat
lantekan² dan
perjanjian²
melalui wakil
chalun dalam
pilehan raya.**

14. (1) Wakil chalun dalam pilehan raya bagi sa-orang chalun hendak-lah melantek tiap² orang wa-kil chalun di-tempat buang undi, wakil chalun di-tempat mengira undi, kerani dan utusan yang di-ambil bekerja, sama ada bergaji atau tidak, bagi pehak chalun itu dalam sa-suatu pilehan raya, dan menyewa tiap² bilek jawatankuasa yang di-sewa bagi pehak chalun itu, dan sa-belum di-mulakan kerja membuang undi hendak-lah memberitahu pegawai pengurus pada tiap² tempat buang undi dengan

bersurat akan nama dan alamat wakil atau wakil2 chalun di-tempat buang undi yang di-lantek menjalankan kerja di-tempat buang undi itu dan memberitahu pegawai pengurus bagi kawasan pemilihan atau bahagian mengundi yang berkenaan dengan bersurat akan nama dan alamat wakil atau wakil2 chalun di-tempat mengira undi yang di-lantek untok hadir pada masa mengira undi :

Dengan syarat bahawa pegawai pengurus boleh menghadkan bilangan wakil2 chalun di-tempat mengira undi, supaya bilangan itu hendaklah sama banyak-nya bagi tiap2 orang chalun dan supaya bilangan yang di-benarkan bagi saorang chalun tiada kurang, kechuali dalam keadaan2 khas, daripada bilangan yang di-dapati dengan membahagi bilangan kerani2 yang di-ambil bekerja mengira undi dengan bilangan chalun2.

(2) Satu perjanjian yang dengan-nya apa2 perbelanjaan2 telah di-belanjakan kerana atau berthabit dengan menjalankan atau menguruskan sa-suatu pilihan raya tiada boleh di-jalankan kuat-kuasa-nya ka-atas saorang chalun dalam pilihan raya tersebut itu, melainkan jika perjanjian itu di-buat oleh chalun itu sendiri atau oleh wakil chalun dalam pilihan raya bagi-nya :

Dengan syarat bahawa perkara tiada boleh menjalankan kuat-kuasa di-bawah bab ini pada perjanjian tersebut ka-atas chalun itu tidak akan melepaskan chalun itu daripada akibat2 kerana wakil-nya melakukan apa2 perbuatan yang tiada betul atau yang salah di-sisi undang2.

Bayaran perbelanjaan2 melalui wakil chalun dalam pilihan raya.

15. (1) Di-kechualikan sabagaimana yang di-benarkan oleh atau menurut Undang2 ini, tiada sebarang apa pun wang pembayaran dan wang pendahuluan atau wang petarohan yang boleh di-bayar oleh sa-saorang chalun dalam sa-suatu pilihan raya, atau oleh mana2 wakil bagi pihak chalun itu, atau oleh mana2 orang lain pada bila2 masa pun, sama ada sa-belum, dalam masa atau sa-lepas pilihan raya tersebut itu, berthabit dengan apa2 perbelanjaan2

yang di-belanjakan kerana atau berthabit dengan perkara menjalankan atau menguruskan pilehan raya tersebut itu sa-lain daripada yang telah di-belanjakan oleh atau melalui wakil chalun dalam pilehan raya itu; dan semua wang yang di-adakan oleh mana² orang sa-lain daripada chalun itu bagi apa² perbelanjaan² yang di-belanjakan kerana atau berthabit dengan perkara menjalankan atau menguruskan pilehan raya itu, sama ada sabagai hadiah, pinjaman, wang pendahuluan, atau wang pertarahan, hendak-lah di-bayar kepada chalun itu atau wakil chalun dalam pilehan raya bagi-nya dan tiada boleh di-bayar kepada orang lain:

Dengan syarat bahawa kandungan² che-raian ini tidak akan di-anggapkan terpakai kepada apa² bayaran yang di-buat oleh pegawai pengurus atau kepada apa² wang yang di-belanjakan oleh sesiapa daripada wang-nya sendiri kerana apa² perbelanjaan yang kechil yang sah di-belanjakan oleh diri-nya sendiri pada sisi undang², jika wang tersebut itu tiada di-bayar balek kepada-nya.

(2) Sesiapa yang membuat apa² bayaran, membayar apa² wang pendahuluan atau wang petarohan dengan melanggar bab ini atau membayar dengan melanggar bab ini apa² wang yang di-adakan sabagaimana yang di-sebutkan di-atas, ada-lah bersalah kerana melakukan perbuatan yang salah di-sisi undang².

Perkara me-
larang mem-
belanjakan
sa-tengah²
perbelanjaan².

15A. (1) Tiada apa² perbelanjaan² akan di-belanjakan, dengan tujuan hendak mengusahakan atau mendapatkan pemilihan saorang chalun, oleh sesiapa sa-lain daripada chalun itu, wakil chalun dalam pilehan raya bagi-nya dan orang² yang di-benarkan dengan bersurat oleh wakil chalun dalam pilehan raya itu kerana —

- (a) mengadakan apa² perjumpaan orang ramai atau penghiboran bagi orang ramai, atau menganjorkan apa² pertunjukan bagi orang ramai;
- (b) mengechap atau mengeluarkan i'lan², perkelilengan² atau siaran²; atau

- (c) dengan lain2 jalan mengenalkan chalun itu kepada pemilih2 atau menyampaikan pendapat2 chalun itu atau menerangkan keluasan atau chorak sokongan kapada-nya, atau menchachi chalun lain:

Dengan syarat bahawa fasal ini tidak akan —

- (i) menyekat penyiaran apa2 perkara mengenai pilihan raya itu di-dalam sebuah akhbar atau lain2 majlah;
- (ii) di-pakai kapada perbelanjaan2 yang di-belanjakan oleh sesiapa dalam perjalanan atau kediaman jauh dari rumah-nya, atau kapada perbelanjaan2 persaorangan saperserti itu.

(2) Jika sa-saorang membelanjakan apa2 perbelanjaan2 yang menghendaki kebenaran saorang wakil chalun dalam pilihan raya di-bawah cheraian (1) dari bab ini, maka dalam masa empat belas hari sa-lepas tarikh di-siarkan keputusan pilihan raya itu dalam *Warta Kerajaan* hendak-lah ia menghantar kapada wakil chalun dalam pilihan raya itu satu penyata, di-sertai dengan satu pengakuan yang di-buat oleh-nya (atau dalam perkara sebuah persatuan atau kumpulan yang mengandongi beberapa orang, pengakuan yang di-buat oleh saorang pengarah, pengurus agong, setia usaha atau pegawai lain yang saperserti itu) mengesahkan penyata itu dan memberi butir2 bagi perkara2 yang mana perbelanjaan2 un-tok-nya telah di-belanjakan:

Dengan syarat bahawa cheraian ini tidak akan di-pakai kapada sesiapa yang di-ambil bekerja oleh chalun itu atau wakil chalun dalam pilihan raya bagi-nya dengan di-bayar atau di-janjikan bayaran kapada-nya.

(3) Perbelanjaan2 yang di-tunjokkan dalam penyata yang di-sebutkan dalam cheraian (1) dari bab

ini hendak-lah di-masokkan dalam penyata yang di-buat oleh wakil chalun dalam pilihan raya mengikut cheraian (1) dari bab 23, dan kebenaran yang di-terima daripada wakil chalun dalam pilihan raya itu hendak-lah di-sambongkan kapada dan di-anggapkan menjadi bahagian kapada penyata tersebut itu.

(4) Barang siapa yang membelanjakan apa² perbelanjaan² yang melanggar bab ini, atau yang membuat apa² pengakuan yang di-kehendaki oleh cheraian (2) dari bab ini ia-itu pengakuan yang palsu dan yang ia sama ada mengetahui atau mem-perchayai ada-lah palsu atau yang ia tidak perchaya ada-lah benar, ada-lah bersalah kerana melakukan satu perbuatan yang salah pada sisi undang².

Tempoh meng-
hantar tun-
tutan² dan
membuat
bayaran² kerana
perbelanjaan²
pilihan raya.

16. (1) Tiap² bayaran yang di-buat oleh saorang wakil chalun dalam pilihan raya berthabit dengan apa² perbelanjaan yang di-belanjakan kerana atau berthabit dengan menjalankan atau menguruskan sa-suatu pilihan raya hendak-lah di-sokong dengan satu bil menyatakan butir² dan dengan satu risit, kechuali jika bayaran itu kurang daripada sa-puluh ringgit atau jika tiada boleh di-dapatkan risit di-sebabkan oleh chara membelanjakan wang itu saperti perjalanan dengan kereta api atau membeli stem.

(2) Tiap² tuntutan ka-atas saorang chalun dalam sa-suatu pilihan raya atau wakil chalun dalam pilihan raya bagi-nya berthabit dengan apa² perbelanjaan² yang di-belanjakan kerana atau berthabit dengan menjalankan atau menguruskan pilihan raya tersebut itu, yang tiada di-hantar kapada wakil chalun itu dalam masa yang di-hadkan oleh Undang² ini, ada-lah ter-tahan dan tiada boleh di-bayar; dan terta'alok kapada apa² yang di-kechualikan sabagai-mana yang boleh di-benarkan menurut Undang² ini, saorang wakil chalun dalam pilihan raya yang membayar suatu tuntutan dengan melanggar bab ini ada-lah bersalah kerana melakukan satu perbuatan yang salah pada sisi undang².

(3) Di-kechualikan sabagai-mana yang di-benarkan oleh Undang² ini, masa yang di-hadkan oleh

Undang2 ini kerana menghantar tuntutan2 hendaklah empat belas hari sa-lepas tarikh di-siarkan keputusan pilehan raya itu dalam *Warta Kerajaan*.

(4) Semua perbelanjaan2 yang di-belanjakan oleh atau bagi pehak sa-saorang chalun dalam sa-suatu pilehan raya, kerana atau berthabit dengan menjalankan atau menguruskan pilehan raya tersebut itu, hendaklah di-bayar dalam masa yang di-hadkan oleh Undang2 ini; dan, terta'alok kepada apa2 yang di-kechualikan yang boleh di-benarkan menurut Undang2 ini, saorang wakil chalun dalam pilehan raya yang membuat satu bayaran dengan melanggar kandungan ini ada-lah bersalah kerana melakukan satu perbuatan yang salah pada sisi undang2.

(5) Di-kechualikan sabagaimana yang di-benarkan oleh Undang2 ini, masa yang di-hadkan oleh Undang2 ini kerana membayar perbelanjaan2 sabagaimana yang di-sebutkan di-atas hendaklah dua puluh delapan hari sa-lepas tarikh di-siarkan keputusan pilehan raya itu dalam *Warta Kerajaan*.

(6) Apakala saorang chalun telah membuktikan dengan memuaskan hati Hakim Pilehan Raya bahawa apa2 bayaran yang di-buat oleh saorang wakil chalun dalam pilehan raya dengan melanggar bab ini telah di-buat dengan tiada di-benarkan atau tiada di-ketahui oleh chalun tersebut itu, maka pemilehan chalun itu tiada-lah akan tergendala dan tiada-lah akan ia terta'alok kepada apa2 kekurangan hak di-bawah Undang2 ini dengan sebab hanya bayaran tersebut itu telah di-buat dengan melanggar bab ini.

(7) Jika wakil chalun dalam pilehan raya itu membangkang apa2 tuntutan yang di-hantar kapadanya dalam masa yang di-hadkan oleh Undang2 ini, atau enggan membayar atau tiada membayarnya dalam tempoh dua puluh delapan hari yang tersebut, maka tuntutan itu hendaklah di-anggapkan sabagai satu tuntutan yang di-bangkang.

(8) Orang yang menuntut itu boleh, jika di-fikirkan-nya patut, menda'wa atas sa-suatu tuntutan

yang di-bangkang dalam mana² mahkamah yang berkelayakan; dan apa² wang yang di-bayar oleh chalun itu atau wakil-nya menurut hukuman atau perintah mahkamah itu hendak-lah di-anggapkan di-bayar dalam masa yang di-hadkan oleh Undang² ini, dan sabagai satu perkara yang di-kechualikan daripada kandungan² Undang² ini, yang menghen-daki tuntutan² di-bayar oleh wakil chalun dalam pilehan raya itu.

(9) Daripada sebab yang di-tunjokkan dengan memuaskan hati saorang Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim tersebut itu, apabila di-minta oleh orang yang menuntut atau oleh chalun itu atau wakil chalun dalam pilehan raya bagi-nya, boleh dengan perintah membenarkan supaya suatu tuntutan yang di-bangkang atau suatu tuntutan kerana apa² perbelanjaan² yang di-sebutkan di-atas di-bayar oleh saorang chalun atau wakil chalun dalam pilehan raya bagi-nya, sunggoh pun tuntutan itu di-hantar sa-lepas masa yang di-sebut dalam bab ini bagi menghantarkan-nya atau sunggoh pun tuntutan itu di-hantar kepada chalun itu bukan-nya kepada wakil chalun dalam pilehan raya itu.

(10) Apa² wang yang di-tentukan dalam perentah kebenaran itu boleh di-bayar oleh chalun itu atau wakil chalun dalam pilehan raya bagi-nya; dan apakala bayaran itu di-buat menurut kebenaran itu hendak-lah di-anggapkan telah di-bayar dalam masa yang di-hadkan oleh Undang² ini.

Upah wakil
chalun dalam
pilehan raya.

17. Sa-takat mana yang keadaan² membolehkan, Undang² ini hendak-lah di-pakai kepada satu tuntutan kerana upah bagi saorang wakil chalun dalam pilehan raya dan kepada pembayaran upah itu sama sa-olah² wakil chalun itu ada-lah orang yang menuntut hutang yang lain², dan jika timbul apa² perbezaan berthabit dengan jumlah tuntutan tersebut itu, maka tuntutan itu ada-lah suatu tuntutan yang di-bangkang dalam ertikata Undang² ini, dan hendak-lah di-uruskan dengan sewajar-nya.

Perbelanjaan2
persendirian
chalun dan
perbelanjaan2
ronchet.

18. (1) Chalun dalam sa-suatu pilehan raya boleh membayar apa2 perbelanjaan2 persendirian yang di-belanjakan oleh-nya kerana atau berhubung atau berkaitan dengan pilehan raya tersebut itu sa-jumlah yang tiada lebeh daripada sa-ribu ringgit, akan tetapi apa2 lagi perbelanjaan2 persendirian yang di-belanjakan sedemikian oleh-nya hendak-lah di-bayar oleh wakil chalun dalam pilehan raya bagi-nya.

(2) Chalun itu hendak-lah menghantar kepada wakil chalun dalam pilehan raya itu satu keterangan bertulis menyebutkan berapa jumlah perbelanjaan2 persendirian yang telah di-bayar oleh chalun tersebut itu sabagaimana yang di-sebutkan di-atas dalam masa yang di-hadkan oleh Undang2 ini bagi menghantar tuntutan2.

(3) Perbelanjaan2 persendirian saorang chalun ada-lah termasuk perbelanjaan2 perjalanan-nya yang berpatutan, dan perbelanjaan2 ia dudok di-hotel2 atau di-tempat2 lain yang berpatutan bagi maksud2 pilehan raya.

(4) Sesiapa, jika di-benarkan dengan bersurat oleh wakil chalun dalam pilehan raya itu, boleh membayar apa2 perbelanjaan yang mustahak kerana alat tulis-menulis, stem, taligram2 dan lain2 perbelanjaan2 ronchet berjumlah tiada lebeh daripada yang di-sebutkan dalam surat kebenaran itu, akan tetapi apa2 yang lebeh daripada jumlah itu hendak-lah di-bayar oleh wakil chalun dalam pilehan raya itu.

(5) Satu keterangan bagi butir2 pembayaran2 yang di-buat oleh sesiapa yang di-benarkan demikian itu hendak-lah di-hantar kepada wakil chalun dalam pilehan raya itu dalam masa yang di-hadkan oleh Undang2 ini bagi menghantar tuntutan2, dan keterangan itu hendak-lah di-sokong dengan satu bil yang ada mengandongi risit orang itu.

Perbelanjaan2
yang lebeh dari-
pada perbelan-
jaan2 yang

19. (1) Terta'alok kepada apa2 yang di-kechualikan yang boleh di-benarkan menurut Undang2 ini, sa-orang chalun dalam mana2 pilehan raya atau wakil

sahabis banyak
ada-lah per-
buatan yang
salah di-sisi
undang².

chalun dalam pilehan raya bagi-nya tiada boleh membayar apa² wang dan tiada boleh membelanja-kan apa² perbelanjaan sa-lepas tarikh di-siarkan pemberitahu berkenaan dengan pilehan raya itu dalam *Warta Kerajaan*, dalam masa, atau sa-lepas sa-suatu pilehan raya, kerana atau berthabit dengan menjalankan atau menguruskan pilehan raya tersebut itu, lebeh daripada lima ribu ringgit atau lebeh daripada sa-puluh sen bagi tiap² saorang pemilih yang ada di-dalam daftar atau sinarai kawasan pemilihan itu, bahagian mengundi atau daerah mengundi, ia-itu mana satu yang lebeh banyak jumlah-nya :

Dengan syarat bahawa tiada-lah boleh di-masokkan ka-dalam jumlah tersebut itu apa² perbelanjaan yang di-belanjakan oleh chalun itu kerana perbelanjaan² persendirian-nya, atau bayaran yang di-beri kepada wakil chalun dalam pilehan raya itu yang tiada lebeh daripada lima ratus ringgit, jika ada.

(2) Mana² chalun atau wakil chalun dalam pilehan raya yang melakukan perbuatan² melanggar bab ini dengan di-ketahui-nya ada-lah bersalah kerana melakukan satu perbuatan yang salah di-sisi undang².

Sa-tenyah²
perbe-
ntu
yang
ada-l
er-
buat
ng
salah di-sisi
undang².

20. (1) Tiada apa² bayaran atau perjanjian hendak membayar, bagi maksud mengusaha atau mendapatkan pemilihan sa-saorang chalun dalam mana² pilehan raya, yang boleh di-buat —

- (a) kerana membawa pemilih² atau pengundi² pergi balek, ka-tempat buang undi, sama ada untok menyewa kereta², kapal² atau apa² jua pun jenis binatang² kenderaan, atau untok tambang² kereta api, atau lain daripada itu; atau
- (b) kapada atau dengan saorang pemilih atau pengundi kerana menggunakan mana² rumah, tanah atau bangunan bagi menunjokkan apa² alamat, pelekat atau pemberitahu, atau kerana me-

nunjokkan apa2 alamat, pelekat atau pemberitahu.

(2) Terta'alok kapada apa2 perkara yang di-kechualikan yang boleh di-benarkan menurut Undang2 ini, jika apa2 bayaran atau perjanjian hendak membayar di-buat dengan di-ketahui-nya melanggar bab ini, sama ada sa-belum, pada masa atau sa-lepas sa-suatu pilehan raya, maka orang yang membuat bayaran atau perjanjian tersebut itu ada-lah bersalah kerana melakukan satu perbuatan yang salah di-sisi undang2 dan sesiapa yang menerima bayaran tersebut itu atau sabagai satu pehak dalam mana2 perjanjian tersebut itu, pada hal di-ketahui-nya melanggar bab ini, ada-lah juga bersalah kerana melakukan satu perbuatan yang salah di-sisi undang2.

(3) Sa-saorang tiada boleh menyewakan, meminjamkan, atau menggunakan bagi maksud membawa pemilih2 atau pengundi2 pergi balek ka-tempat buang undi mana2 kereta, kapal atau apa2 jua pun jenis binatang kenderaan yang di-simpan atau di-gunakan-nya bagi maksud di-sewakan, dan jika ia menyewakan, meminjamkan, atau menggunakan kereta, kapal atau binatang kenderaan tersebut itu, padahal di-ketahui-nya ada-lah hendak digunakan untok membawa pemilih2 atau pengundi2 pergi balek ka-tempat buang undi, ada-lah bersalah kerana melakukan satu perbuatan yang salah di-sisi undang2.

(4) Sa-saorang tiada boleh menyewa, meminjam atau memakai bagi maksud membawa pemilih2 atau pengundi2 pergi balek ka-tempat buang undi mana2 kereta, kapal atau apa2 jua pun jenis binatang kenderaan yang di-ketahui-nya tuan punya kereta, kapal atau binatang itu di-tegah oleh cheraian (3) dari bab ini untok menyewakan, meminjamkan atau menggunakan bagi maksud itu, dan jika orang itu berbuat demikian maka ada-lah ia bersalah kerana melakukan satu perbuatan yang salah di-sisi undang2.

(5) Tiada apa2 jua pun dalam cheraian (3) atau cheraian (4) dari bab ini boleh menghalang

sa-sabua kereta, kapal, atau apa² jenis binatang kenderaan daripada di-sewakan kepada, atau di-sewa, di-gunakan, atau di-pakaikan oleh saorang pemilih atau pengundi atau beberapa orang pemilih² atau pengundi² dengan belanja mereka bersama² bagi maksud membawa mereka pergi balek ka-tempat buang undi.

(6) Dengan tiada mengindahkan apa² dalam kandungan² bab ini yang terdahulu —

- (a) jika pekerjaan biasa saorang pemilih atau pengundi sabagai saorang wakil i'lan menunjokkan pelekat² dan i'lan² dengan mendapat bayaran, maka suatu bayaran kepada atau perjanjian dengan pemilih atau pengundi tersebut itu, jika di-buat dalam urusan pekerjaan biasa, maka tiada-lah boleh di-anggapkan sabagai satu perbuatan yang salah di-sisi undang² dalam ertikata bab ini;
- (b) apakala pemilih² atau pengundi² tiada boleh sampai ka-tempat² buang undi dalam sa-suatu pilihan raya daripada tempat kediaman mereka dengan tiada menyeberang laut atau sa-buah sungai, maka boleh-lah di-adakan chara² kerana membawa pemilih² atau pengundi² tersebut itu ka-tempat² buang undi mereka, atau untok membolehkan mereka menyeberang sungai itu supaya sampai ka-tempat² buang undi mereka dan jumlah bayaran kerana membawa mereka dengan chara² sedemikian itu boleh di-tambahkan kepada jumlah perbelanjaan² yang sehabis banyak yang di-benarkan oleh Undang² ini:

Dengan syarat bahawa chara² kerana membawa mereka sedemikian itu hendak-lah sentiasa di-adakan dengan sama rata kepada semua pemilih² atau pengundi² yang hendak menggunakan-nya.

Sa-tengah2
perkerjaan yang
tertentu ada-
lah perbuatan
yang salah
di-sisi
undang2.

21. (1) Bagi maksud mengusahakan atau mendapatkan pemilehan saorang chalun dalam sa-suatu pilehan raya, tiada saorang jua pun yang boleh di-ambil bekerja dengan bayaran atau dengan janji hendak di-bayar bagi apa2 maksud atau dalam apa2 jawatan sa-kali pun, kechuali bagi maksud atau dalam jawatan2 yang berikut ini:

- (a) saorang wakil chalun dalam pilehan raya sahaja;
- (b) tiada lebeh daripada saorang wakil chalun di-tempat buang undi pada sa-suatu masa bagi tiap2 satu kawasan mengundi atau daerah mengundi:

Dengan sharat bahawa apakala lebeh daripada sa-buah tempat buang undi di-adakan dalam mana2 kawasan mengundi atau daerah mengundi maka saorang lagi wakil chalun di-tempat buang undi boleh di-ambil bekerja bagi tiap2 sa-buah tempat buang undi;

- (c) sa-bilangan orang kerani2 dan utusan2 yang berpatutan banyak-nya ia-itu setelah memikirkan berapa luas-nya kawasan pemilehan, bahagian mengundi atau daerah mengundi itu dan bilangan pengundi2 dalam daftar pengundi2 atau sinarai pengundi2 bagi kawasan pemilehan, bahagian mengundi atau daerah mengundi tersebut itu.

(2) Terta'alok kapada apa2 yang di-kechualikan yang boleh di-benarkan menurut Undang2 ini, jika sesiapa di-ambil bekerja dengan melanggar bab ini, sama ada sa-belum, dalam masa, atau sa-lepas sa-suatu pilehan raya, maka orang yang mengambilnya bekerja itu ada-lah bersalah kerana melakukan satu perbuatan yang salah di-sisi undang2.

Memelihara
hak orang2
yang memberi
hutang.

22. Kandongan2 Undang2 ini yang melarang sa-tengah2 bayaran2 dan perjanjian2 hendak membayar yang tertentu, dan bayaran apa2 wang, dan perbelanjaan2 yang di-belanjakan yang lebeh dari-

pada yang sa-habis2 banyak yang di-benarkan, tiada-lah mengganggu hak mana2 orang yang memberi hutang apakala pada masa perjanjian itu di-buat atau perbelanjaan itu di-belanjakan, ia tiada tahu perjanjian atau perbelanjaan itu ada-lah melanggar Undang2 ini.

Kebebasan
daripada
chukai stem.

22A. Apa2 surat yang di-buat dengan mengangkat sumpah atau membuat pengakuan menurut kandungan2 bab 5 atau 23 dalam apa2 borang yang di-tentukan dalam Jadual Pertama hendak-lah di-bebasikan daripada bayaran chukai stem di-bawah mana2 undang2 bertulis yang berjalan kuat kuasanya pada masa ini berkenaan dengan chukai2 stem.

Penyata dan
pengakuan
mengenai per-
belanjaan2
pilehan raya.

23. (1) Dalam masa tiga puluh satu hari sa-lepas tarikh keputusan sa-suatu pilehan raya di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* maka wakil chalun dalam pilehan raya bagi tiap2 orang chalun di-pilehan raya itu hendak-lah menghantar kepada pegawai yang layak supaya di-simpan-nya satu penyata yang betul, dalam Undang2 ini di-sebut "penyata mengenai perbelanjaan2 pilehan raya," dalam Borang B dalam Jadual Pertama, mengandongi keterangan2 yang lengkap mengenai chalun itu berkenaan dengan —

- (a) semua bayaran2 yang di-buat oleh wakil chalun dalam pilehan raya itu bersama2 dengan semua bil2 dan risit2 yang di-sebutkan dalam cheraian (1) dari bab 18, ia-itu bil2 dan risit2 yang dalam Undang2 ini termasuk dalam kalimah "penyata mengenai perbelanjaan2 pilehan raya" dan tarikh2 di-bayar semua wang2 yang tiada di-sertakan risit-nya;
- (b) jumlah perbelanjaan2 persendirian yang di-bayar oleh chalun itu, jika ada;
- (c) tuntutan2 yang di-bangkang sa-panjang yang di-ketahui oleh wakil chalun dalam pilehan raya itu;

- (d) semua tuntutan² yang belum berbayar, jika ada, yang di-ketahui oleh wakil chalun dalam pilehan raya itu yang berthabit dengan-nya permohonan telah di-buat atau sedang hendak di-buat kepada saorang Hakim Pilehan Raya atau Hakim Mahkamah Tinggi;
- (e) semua wang, jaminan² dan lain² barang yang berharga yang di-terima oleh atau di-janjikan kepada wakil chalun dalam pilehan raya daripada atau oleh mana² chalun atau lain² orang bagi maksud perbelanjaan² yang di-belanjakan atau hendak di-belanjakan kerana atau berthabit dengan menguruskan pilehan raya itu, dengan menyebutkan nama tiap² orang yang daripada-nya wang itu boleh jadi telah di-terima atau telah di-janjikan, serta menunjukkan satu demi satu sama ada wang itu telah di-terima sabagai pemberian, pinjaman, pertarohan atau sebakel-nya;
- (f) jumlah perbelanjaan², jika ada, yang di-belanjakan oleh sesiapa yang dibenarkan oleh wakil chalun dalam pilehan raya di-bawah cheraian (1) dari bab 15A.

(2) Penyata mengenai perbelanjaan² pilehan raya hendak-lah di-tanda tangani oleh wakil chalun dalam pilehan raya itu dan hendak-lah di-sertai dengan satu keterangan yang di-buat oleh chalun itu dan wakil chalun dalam pilehan raya bagi-nya dan hendak-lah di-buat dalam Borang² C dan D dalam Jadual Pertama dan hendak-lah di-buat dengan mengangkat sumpah di-hadapan Pengurus atau saorang ahli Surohanjaya Pilehan Raya, saorang Majisteret, saorang Pesurohjaya Sumpah, atau Penyelia Pilehan Raya :

Dengan syarat bahawa apakala chalun itu telah menamakan diri-nya sendiri sabagai wakil

chalun dalam pilehan raya di-bawah cheraian (2) dari bab 12 maka keterangan tersebut hendak-lah di-buat hanya dalam Borang C dari Jadual Pertama.

(3) Jika penyata dan keterangan² tersebut itu tiada di-hantar sa-belum tamat masa yang di-hadkan bagi maksud itu, maka chalun itu tiada-lah boleh sa-lepas tamat masa itu mendudoki kursi atau mengundi hingga penyata dan keterangan² tersebut itu telah di-hantar atau hingga tarikh di-luluskan perkara tiada menghantar penyata dan keterangan² tersebut itu sabagaimana yang di-sebut dalam Undang² ini; dan jika ia mendudoki kursi atau mengundi dengan melanggar Undang² ini maka bolehlah ia apabila di-jatuhkan hukuman ka-atas-nya dikenakan hukuman denda sa-banyak lima ratus ringgit bagi tiap² hari ia mendudoki kursi atau mengundi sedemikian.

(4) Jika mana² chalun atau wakil chalun dalam pilehan raya tiada mengikut kehendak² cheraian (1) atau cheraian (2) dari bab ini maka ada-lah ia bersalah kerana melakukan satu perbuatan yang salah di-sisi undang² dan kandungan² bab ini ada-lah menjadi tambahan kapada kandungan² bab 11 bukan-nya mengurangkan kandungan² bab itu.

Penyiaran
penerimaan
penyata, d.l.l.

24. (1) Apakala sa-suatu penyata mengenai perbelanjaan² pilehan raya dan keterangan² yang di-buat berthabit dengan-nya telah di-terima oleh pegawai yang layak, maka hendak-lah ia, dengan sa-berapa segera, memerentahkan supaya satu pemberitahu berkenaan dengan tarikh penyata dan keterangan² itu di-terima-nya dan masa serta tempat penyata atau keterangan² itu boleh di-pereksa, di-lekatkan pada suatu tempat yang senang boleh di-lihat di-pejabat-nya dan di-siarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Pegawai yang layak itu hendak-lah menyimpan semua penyata² dan keterangan² tersebut itu beserta dengan bil² dan voucher² yang berkenaan dengan-nya dan pada bila² masa yang berpatutan dalam masa enam bulan yang akan datang sa-lepas pemberitahu yang di-sebut dalam bab ini di-siarkan

dalam *Warta Kerajaan*, hendak-lah ia membenarkan sesiapa untok memereksa penyata² dan keterangan² itu dan mengambil chabutan² daripadanya dengan membayar bayaran sa-ringgit dan hendak-lah ia memberi satu salinan atau salinan² daripadanya sa-telah di-bayar tiga puloh enam sen bagi tiap² satu muka surat yang mengandongi sa-ratus dua puloh perkataan; dan sa-telah tamat tempoh enam bulan tersebut itu maka penyata² dan keterangan² tersebut boleh di-binasakan atau di-kembalikan kepada chalun itu jika di-minta-nya sa-belum di-binasakan.

Majikan² hendak-lah memberi pekerja² masa yang berpatutan untok mengundi.

25. (1) Pada hari membuang undi, tiap² majikan hendak-lah memberi masa yang berpatutan kepada tiap² orang pemilih yang bekerja dengan-nya untok mengundi, dan tiada saorang majikan yang boleh memotong gaji atau lain² bayaran mana² pemilih itu atau mengenakan apa² hukuman atau memaksa ia membayar apa² denda sebab ia tidak hadir bekerja dalam masa tersebut itu.

(2) Mana² majikan yang, dengan sechara langsung atau tiada langsung, enggan memberi atau dengan ugutan, dengan pengaruh yang tiada sa-patutnya, atau dengan lain² jalan, mengganggu perkara memberi mana² pemilih yang bekerja dengan-nya masa yang berpatutan untok mengundi, sabagaimana yang di-adakan dalam bab ini, akan apabila di-jatuhkan hukuman ka-atas-nya di-kenakan hukuman denda sa-banyak lima ratus ringgit atau penjara selama enam bulan.

(3) Bab ini tiada boleh di-pakai terhadap peringkat² pekerja sabagaimana yang Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dari semasa ka-semasa menetapkan dengan siaran dalam *Warta Kerajaan*.

(4) Kandongan² bab ini akan mengikat Kerajaan Negeri Brunei.

Perkara menghadkan di'ayah siasah.

26. (1) Tiada saorang jua pun boleh menyedia dan memberikan apa² alat bunyian atau pembesar suara kapada sesiapa dengan tujuan hendak di-

gunakan oleh mana² orang dengan apa² chara atau di-gunakan di-dalam atau di-atas kapal², binatang², motorcar², kereta² lorry atau lain² kereta sabagai atau bagi maksud di'ayah (propaganda) siasah pada hari membuang undi dan tiada saorang jua pun boleh dengan tujuan tersebut menggunakan alat² bunyian atau pembesar suara itu dengan sendiri-nya atau menggunakan-nya di-dalam atau di-atas mana² kapal, binatang, motor-car, kereta lorry atau lain² kereta pada hari membuang undi.

(2) Terta'alok kapada kandongan² cheraian (5) dari bab ini tiada saorang jua pun boleh menyedia atau memberikan apa² bendera, panji², tunggul², pelekat atau label kapada atau untuk sesiapa dengan tujuan hendak di-pakai, di-bawa atau di-gunakan oleh sesiapa dalam mana² kawasan pemilihan pada hari membuang undi sabagai satu lenchana parti untuk mengenal orang yang memakai itu sabagai penyokong mana² chalun, atau fikiran² siasah dan lain² fikiran yang di-terima atau di-jangka akan di-terima oleh chalun tersebut itu; dan tiada saorang jua pun boleh memakai, membawa atau menggunakan apa² bendera, panji², tunggul², pelekat atau label sabagai lenchana parti tersebut dalam mana² kawasan pemilihan pada hari membuang undi.

(3) Pada hari membuang undi tiada saorang jua pun, sa-juah lima puluh ela daripada sempadan² mana² tempat buang undi, boleh :

- (a) menchuba hendak mengenal mana² orang yang masok ka-dalam sa-buah tempat buang undi;
- (b) menyemak dalam mana² sinarai nama sesiapa yang masok atau keluar daripada sa-buah tempat buang undi;
- (c) meletakkan apa² meja atau mendirikan apa² pejabat atau bangsal bagi apa² maksud yang berhubong dengan suatu pilehan raya;

- (d) merayu atau memujuk atau chuba hendak memujuk sesiapa supaya jangan mengundi dalam suatu pilihan raya, atau supaya mengundi, atau jangan mengundi mana2 calon dalam pilihan raya itu;
- (e) menunggu atau bersiar2 kechuali bagi maksud menunggu giliran hendak masuk ka-dalam tempat buang undi kerana hendak membuang undi-nya;
- (f) berhimpun atau bergerak dalam mana2 tempat orang ramai dalam mana2 kawasan pemilihan, bahagian mengundi atau daerah mengundi di-dalam satu kumpulan lima orang atau lebih dengan tujuan menunjukkan sokongan atau tentangan kepada mana2 calon atau parti siasah:

Dengan syarat bahawa tiada apa2 jua pun dalam bab ini boleh menghalang pegawai yang layak atau sesiapa yang di-benarkan oleh pegawai yang layak itu daripada menjalankan kewajipan2-nya berkenaan dengan perkara menjalankan suatu pilihan raya.

(4) Terta'alok kepada kandungan2 cheraian (5) dari bab ini, tiada apa2 bendera, panji2, tunggul2, pelekat atau label yang boleh di-tunjokkan kepada orang ramai pada bila2 masa sabagai atau bagi maksud di'ayah (propaganda) pada hari membuang undi; dan pegawai yang layak itu hendak-lah mengambil atau memerentahkan supaya di-ambil mana2 bendera, panji2, tunggul2, pelekat atau label tersebut itu yang di-tunjokkan dengan melanggar cheraian ini.

(5) Tiada apa2 jua pun yang terkandung dalam cheraian (2) atau cheraian (4) dari bab ini boleh di-anggap terpakai kepada perkara menyedia atau memberikan apa2 bunga reben atau lenchana yang tiada lebih daripada tujuh inchi persegi luas mukanya yang menunjukkan chogan yang di-untokkan

kapada mana² chalun atau apa² label yang tiada lebeh daripada lima puluh inchi persegi luas mukanya menunjukkan chogan tersebut itu atau perkara memakaikan saorang dengan bunga reben atau lenchana² tersebut itu atau perkara menunjukkan suatu label tersebut itu pada mana² kereta atau kapal.

Panggal 7

(6) Sa-suatu kesalahan di-bawah bab ini adalah menjadi satu kesalahan yang lazim boleh ditangkap dengan tiada waran mengikut ma'ana Undang² Peratoran Jenayah.

(7) Sesiapa yang melanggar mana² kandungan² bab ini akan, apabila di-jatohkan hukuman ka-atasnya, di-kenakan hukuman denda sa-banyak sa-ribu ringgit atau penjara selama sa-tahun.

Perkara melantek perayu² undi.

26A. (1) Di-antara tarikh chalun² pilehan raya dinamakan dengan masa pegawai pengurus mengishtiharkan keputusan pilehan² raya itu, tiada saorang jua pun bagi pehak mana² chalun boleh merayu undi atau memberi ucapan dalam sa-suatu perjumpaan orang ramai yang di-adakan dalam kawasan pemilihan, bahagian mengundi atau daerah mengundi itu, melainkan jika ia —

(a) tiada terluchut hak-nya untok di-lantek menjadi saorang wakil chalun dalam pilehan raya di-bawah cheraian (1) dari bab 13; dan

(b) mempunyai satu kebenaran bertulis, saperti Borang E dalam Jadual Pertama, yang di-tanda tangani oleh saorang wakil chalun dalam pilehan raya.

(2) Dalam masa empat puluh delapan jam setelah mengeluarkan apa² kebenaran di-bawah cheraian (1) dari bab ini, tiap² orang wakil chalun dalam pilehan raya hendak-lah menghantarkan tiga salinan kebenaran tersebut itu kapada pegawai yang layak itu.

(3) Dalam bab ini “merayu undi” ma'ana-nya memujok bagi pehak mana² chalun undi² pemilih²

dalam mana2 kawasan pemilehan, kawasan mengundi atau daerah mengundi supaya mengundi atau tiada mengundi mana2 chalon atau parti siasah dalam sa-suatu pilehan raya dengan —

- (a) melawat pemilih2 di-rumah mereka atau di-tempat2 mereka bekerja;
- (b) memanggil atau mengator atau membantu memanggil atau membantu mengator mana2 perjumpaan orang ramai, perarakan atau penunjok perasaan;
- (c) menginterbiu orang ramai; atau
- (d) membahagikan atau memerentah supaya di-bahagikan apa2 surat rayuan yang bertulis atau di-chap menyokong atau menentang mana2 chalon atau parti siasah.

(4) Sesiapa yang melanggar mana2 kandungan2 bab ini akan apabila di-jatuhkan hukuman ka-atasnya, di-kenakan hukuman denda sa-banyak sa-ribu ringgit atau penjara selama sa-tahun.

Hukuman kerana di-jatuhkan hukuman kerana melakukan perbuatan yang salah di-sisi undang2.

27. (1) Tiap2 orang yang melakukan satu perbuatan yang salah di-sisi undang2 akan, apabila di-jatuhkan hukuman ka-atasnya oleh saorang Majisteret Kelas Satu, di-kenakan hukuman denda sa-banyak lima ratus ringgit dan, terta'alok kepada mana2 kandungan yang tertentu yang berlawanan dalam mana2 Undang2 bertulis mengenai sa-suatu pilehan raya, tiada boleh di-daftarkan sabagai saorang pemilih atau mengundi dalam sa-suatu pilehan raya di-bawah Undang2 ini atau di-pilih dalam sa-suatu pilehan raya, apabila di-jatuhkan hukuman ka-atasnya hingga tamat lima tahun daripada jatohnya hingga tamat lima tahun daripada jatohnya hukuman tersebut, dan jika pada tarikh itu ia telah di-pilih dalam sa-suatu pilehan raya, maka hendaklah ia di-berhentikan menjadi ahli mulai daripada tarikh di-jatuhkan hukuman ka-atasnya.

(2) Satu penda'waan kerana melakukan satu perbuatan yang salah di-sisi undang2 tiada boleh di-jalankan melainkan dengan kebenaran Penda'wa Raya.

BAHAGIAN V

Mema'afkan Perbuatan Yang Tiada

Betul Atau Perbuatan Yang Salah Di-sisi Undang²

Penyata melepaskan chalun dalam sa-tengah² perkara² yang tertentu berkenaan dengan perbuatan yang tiada betul dan yang salah di-sisi undang² yang di-lakukan oleh wakil²-nya.

28. Apakala, sa-telah membicharakan satu rayaan pilehan raya mengenai sa-suatu pilehan raya, Hakim Pilehan Raya itu menyatakan bahawa sa-orang chalun dalam pilehan raya tersebut itu adalah bersalah kerana wakil²-nya telah melakukan kesalahan membelanjakan orang atau mempengaruhi orang dengan tiada sa-patut-nya atau melakukan lain² perbuatan yang tiada betul atau yang salah di-sisi undang², dan Hakim Pilehan Raya itu menyatakan lagi, ia-itu sa-telah memberi Peguam Negara peluang untok membuat keterangan-nya, bahawa chalun itu telah membuktikan kepada Mahkamah—

- (a) bahawa chalun itu atau wakil chalun dalam pilehan raya bagi-nya tiada melakukan perbuatan yang tiada betul atau yang salah di-sisi undang² dan kesalahan² yang di-sebutkan dalam penyata tersebut itu telah di-lakukan berlawanan dengan perintah² chalun itu dan tiada dengan kebenaran atau ketahuan chalun tersebut atau wakil chalun dalam pilehan raya bagi-nya; dan
- (b) bahawa chalun tersebut itu dan wakil chalun dalam pilehan raya bagi-nya telah menjalankan segala ikhtiar² yang berpatutan kerana mengelakkan berlakunya perbuatan² yang tiada betul dan yang salah di-sisi undang² dalam pilehan raya tersebut itu; dan
- (c) bahawa kesalahan² yang di-sebut dalam penyata tersebut itu ia-lah kesalahan² yang berupa kechil, tiada mustahak dan terhad; dan

- (d) bahawa dalam lain2 perkara, pilehan raya itu berseh daripada apa2 perbuatan yang tiada betul atau yang salah di-sisi undang2 pada segi chalun tersebut itu dan wakil2-nya;

maka perkara pemilehan chalun tersebut itu tiada-lah terbatal dengan sebab kesalahan2 yang di-sebutkan dalam penyata tersebut, itu, dan chalun itu tiada-lah terta'alok kepada sebarang keluchutan hak di-bawah Undang2 ini.

Kuasa mengechualikan perbuatan yang tiada di-sengajakan daripada dijadikan perbuatan yang tiada betul, d.l.l.

29. Apakala, pada masa di-buat permohonan, ada di-beri keterangan kepada Hakim Pilehan Raya atau saorang Hakim Mahkamah Tinggi dan keterangan tersebut itu nampak-nya menchukupi pada pendapat Hakim itu —

- (a) bahawa apa2 perbuatan yang di-lakukan atau apa2 ketinggalan daripada melakukan apa2 perbuatan oleh saorang chalun atau wakil chalun dalam pilehan raya bagi-nya atau lain2 wakil atau orang dalam sa-suatu pilehan raya, dengan sebab membayar apa2 wang atau membelanjakan perbelanjaan yang lebeh daripada jumlah yang sa-habis banyak yang di-benarkan oleh Undang2 ini, atau dengan sebab memberi bayaran, mengambil bekerja atau membuat perjanjian yang melanggar Undang2 ini, atau dengan sebab lain2 perkara yang melanggar apa2 kandungan2 Undang2 ini, ada-lah jika tidak kerana bab ini menjadi satu perbuatan yang salah di-sisi undang2; dan
- (b) bahawa apa2 perbuatan atau ketinggalan tersebut itu telah terbit daripada kechuaian atau daripada salah kira yang tiada di-sengaja atau daripada

lain² sebab yang berpatutan yang sa-umpama itu, dan walau bagaimana pun bukan-nya terbit daripada apa² kekurangan keperchayaan yang ikhlas;

dan dalam hal yang demikian ada-lah nampak kepada Hakim, sa-telah memberi chalun² itu, pegawai pengurus itu, dan mana² pemilih dalam kawasan pemilihan, bahagian mengundi atau daerah mengundi itu, peluang untok membuat keterangan masing², bahawa ada-lah adil supaya chalun yang berkenaan itu dan wakil chalun dalam pilihan raya dan lain² wakil dan orang yang tersebut, atau salah sa-orang daripada mereka, tiada-lah terta'alok kepada apa² akibat² di-bawah Undang² ini kerana perbuatan atau ketinggalan tersebut, maka Hakim itu boleh-lah mengeluarkan satu perintah membenarkan perbuatan atau ketinggalan tersebut menjadi satu perkara yang terkechuali daripada kandungan² Undang² ini yang mana jika tiada di-buat demikian maka perbuatan atau ketinggalan itu ada-lah menjadi satu perbuatan, bayaran, pengambilan orang bekerja atau sewa yang salah di-sisi undang², dan oleh itu chalun, wakil atau orang tersebut tidak akan terta'alok kepada apa² akibat² di-bawah Undang² ini kerana perbuatan atau ketinggalan tersebut.

Sebab yang diluluskan kerana tiada mengikut kandungan² berkenaan dengan penyata dan pengakuan mengenai perbelanjaan² pilihan raya.

30. (1) Apakala penyata dan keterangan² mengenai perbelanjaan² pilihan raya bagi saorang chalun dalam suatu pilihan raya tiada di-hantarkan sabagai mana yang di-kehendaki oleh Undang² ini, atau sedang di-hantarkan tetapi ada mengandongi sedikit kekhilafan atau keterangan yang palsu, maka —

- (a) jika chalun itu membuat permohonan kepada saorang Hakim Pilihan Raya atau saorang Hakim Mahkamah Tinggi dan menunjukkan bahawa kegagalan menghantar penyata dan pengakuan² itu, atau salah satu daripada-nya, atau mana² bahagian daripada-nya, atau apa² kekhilafan atau keterangan yang palsu di-dalam-nya itu, telah timbul kerana ia sakit atau kerana wakil chalun

dalam pilihan raya bagi-nya atau mana2 kerani atau pegawai bagi wakil tersebut itu tiada hadir, mati, sakit, chuai atau tiada betul menjalankan kerja atau kerana tiada di-sengaja atau kerana apa2 sebab yang berpatutan saumpama itu, dan bukan-nya kerana pada pemohon itu ada apa2 kekurangan keperchayaan yang ikhlas; atau

- (b) jika wakil chalun dalam pilihan raya itu membuat permohonan kepada saorang Hakim Pilihan Raya atau saorang Hakim Mahkamah Tinggi dan menunjukkan bahawa kegagalan menghantar penyata dan keterangan2 yang ia di-kehendaki menghantarkan-nya itu, atau mana2 bahagian daripadanya, atau apa2 kekhilafan atau keterangan yang palsu di-dalam-nya itu, telah timbul kerana ia sakit atau kerana mana2 wakil chalun dalam pilihan raya yang dahulu itu mati, sakit, chuai atau tiada betul menjalankan kerja, atau mana2 kerani atau pegawai bagi wakil chalun dalam pilihan raya itu tiada hadir, mati, sakit, chuai atau tiada betul menjalankan kerja, atau kerana tiada di-sengaja atau kerana apa2 sebab yang berpatutan saumpama itu, dan bukan-nya kerana pada pemohon itu ada apa2 kekurangan keperchayaan yang ikhlas;

maka Hakim itu, sa-telah di-beritahu berkenaan dengan permohonan itu, dan dengan menunjukkan keterangan atas alasan2 yang di-nyatakan dalam permohonan itu dan atas keperchayaan yang ikhlas pemohon itu, dan lain2, sabagaimana yang nampak patut pada Hakim itu, dan sa-telah memberi peluang kepada chalun2 yang lain, pegawai yang layak dan mana2 pemilih dalam kawasan pemilihan, bahagian mengundi atau daerah mengundi itu membuat keterangan masing2, boleh membuat perintah supaya diluluskan sebab kegagalan menghantar penyata dan keterangan2 tersebut itu, atau sebab membuat suatu

kekhilafan atau keterangan yang palsu dalam penyata dan keterangan² tersebut itu, sabagaimana yang nampak patut pada Hakim itu.

(2) Apakala pada pendapat Hakim itu bahawa sesiapa yang sedang menjadi wakil chalun dalam pilehan raya atau telah menjadi wakil chalun dalam pilehan raya telah enggan atau gagal membuat penyata tersebut itu atau memberi butir² yang akan membolehkan chalun itu dan wakil chalun dalam pilehan raya bagi-nya, supaya mengikut kandungan² Undang² ini berkenaan dengan penyata dan keterangan² mengenai perbelanjaan² pilehan raya, maka sa-belum membuat suatu perintah meluluskan sebab yang di-sebutkan dalam bab ini Hakim itu hendaklah memerintahkan supaya orang tersebut itu datang berjumpa dengan-nya, dan hendaklah Hakim itu memerintahkan-nya membuat penyata dan keterangan² itu, atau menghantarkan satu keterangan berkenaan dengan butir² yang hendak di-masokkan ka-dalam penyata itu, sabagaimana yang nampak patut pada Hakim itu, melainkan jika ia datang dan menerangkan sebab mengapa ia tiada boleh berbuat demikian, dan hendaklah Hakim memerintahkan orang itu supaya membuat atau menghantarkan penyata itu dalam masa dan kepada orang dan mengikut chara yang boleh di-perintahkan oleh Hakim itu, atau boleh-lah Hakim itu memerintahkan supaya orang itu di-pereksa berthabit dengan butir² tersebut itu, dan jika orang itu tiada mengikut mana² perintah tersebut itu, maka ada-lah ia bersalah kerana melakukan satu perbuatan yang salah di-sisi undang².

(3) Perintah itu boleh meluluskan sebab itu dengan syarat penyata dan keterangan² itu di-buat dengan chara yang mudah atau dalam suatu masa yang di-lanjutkan, dan dengan mengikut syarat² lain sabagaimana yang di-fikirkan oleh Hakim itu baik sa-kali untuk melaksanakan tujuan² Undang² ini, dan suatu perintah yang meluluskan sa-suatu sebab hendaklah melepaskan pemohon itu daripada apa² tanggung jawab atau akibat² di-bawah Undang² ini berthabit dengan perkara yang di-ma'afkan oleh perintah itu; dan apakala di-buktikan oleh chalun

itu kepada Hakim bahawa apa2 perbuatan atau ketinggalan wakil chalun dalam pilehan raya itu berkenaan dengan penyata dan keterangan2 yang mengenai perbelanjaan2 pilehan raya, tiada di-benarkan atau di-ketahui oleh chalun itu, dan bahawa chalun itu telah menjalankan segala ikhtiar2 yang berpatutan supaya perbuatan atau ketinggalan tersebut ditahan daripada berlaku, maka Hakim itu hendaklah melepaskan chalun itu daripada akibat2 perbuatan atau ketinggalan tersebut yang di-buat atau ditinggal oleh wakil chalun dalam pilehan raya baginya itu.

(4) Tarikh perintah itu, atau, jika syarat2-nya hendak di-ikut, tarikh pemohon itu mengikut syarat2 itu dengan sa-penoh-nya, ada-lah di-sebut dalam Undang2 ini sabagai tarikh di-luluskan sebab itu.

BAHAGIAN VI

Alasan2 Kerana Membatalkan

Pemilihan2 Chalun2

Chalun yang di-pilih tiada sah terpilih kerana di-jatuhkan hukuman ka-atas-nya.

31. Saorang chalun yang di-pilih dalam sa-suatu pilehan raya tiada sah terpilih kerana di-jatuhkan hukuman ka-atas-nya kerana melakukan apa2 perbuatan yang tiada betul atau yang salah di-sisi undang2 dalam pilehan raya tersebut itu.

Chalun yang di-pilih tiada sah terpilih akibat rayuan pilehan raya.

32. Saorang chalun yang di-pilih dalam sa-suatu pilehan raya hendaklah di-ishtiharkan tiada sah terpilih dengan sebab ada suatu rayuan pilehan raya atas salah satu daripada alasan2 yang di-bawah ini yang boleh di-buktikan dengan memuaskan hati Hakim Pilehan Raya, ia-itu —

- (a) perbuatan memberi makan suap, membelanjakan atau mengugut orang atau membuat lain2 kelakuan yang tiada baik atau lain2 hal sama ada serupa atau tidak dengan perbuatan2 yang disebutkan dahulu telah merebak dengan luas-nya hingga boleh di-jangka telah mempengaruhi keputusan pilehan raya itu;

- (b) tiada mengikut kandungan² mana² undang² bertulis mengenai mana² pilihan raya, jika nampak-nya bahawa pilihan raya itu tiada di-jalankan mengikut asas² yang di-tetapkan dalam undang² bertulis tersebut itu dan bahawa perkara yang demikian telah mepeng-aruhi keputusan pilihan raya itu;
- (c) satu perbuatan yang tiada betul atau yang salah di-sisi undang² telah di-lakukan berhubong dengan pilihan raya itu oleh chalun itu atau dengan di-ketahui-nya atau di-persetujui-nya, atau di-lakukan oleh mana² wakil chalun itu;
- (d) chalun itu sendiri telah mengambil saorang bekerja sabagai wakil chalun dalam pilihan raya bagi-nya, atau sabagai saorang tukang merayu undi atau wakil, pada hal di-ketahui-nya bahawa dalam masa tujuh tahun yang lalu sebelum orang tersebut itu di-ambil bekerja ia telah di-jatuhkan hukuman ka-atas-nya atau di-dapati salah oleh saorang Majisteret Kelas Satu atau oleh penyata saorang Hakim Pilihan Raya kerana melakukan satu perbuatan yang tiada betul;
- (e) pada masa pemilihan-nya, chalun itu telah di-luchutkan hak-nya untok di-pilih.

BAHAGIAN VII

Rayuan² Pilihan Raya

Lantekan dan kuasa² Hakim Pilihan Raya.

33. (1) Tiap² rayuan pilihan raya hendak-lah di-bicharakan oleh Hakim Besar atau oleh saorang Hakim Mahkamah Tinggi yang di-lantek oleh Hakim Besar bagi maksud itu.

(2) Saksi² hendak-lah di-supina dan di-suroh bersumpah mengikut chara yang hampir² sama seberapa yang keadaan² membenarkan seperti yang ada dalam perbicharaan Mahkamah Tinggi bagi menjalankan kuasa mu'amalat-nya yang asal dan saksi² itu hendak-lah terta'alok kepada hukuman² yang serupa yang di-kenakan kerana memberi keterangan yang palsu.

(3) Pada masa membicharakan satu rayuan pilihan raya di-bawah Undang² ini Hakim Pilihan Raya boleh, dengan perintah yang di-tanda tangani-nya, mengerah sesiapa hadir menjadi seorang saksi yang nampak pada-nya ada berkaitan dengan pilihan raya yang di-sebut dalam rayuan itu, dan sesiapa yang enggan menurut perintah tersebut itu ada-lah bersalah kerana menghinakan Mahkamah. Hakim Pilihan Raya itu boleh menyoal mana² saksi yang di-kerah supaya hadir di-Mahkamah itu atau menyoal sesiapa dalam Mahkamah, sunggoh pun saksi itu tiada di-panggil dan di-soal oleh mana² pihak yang bersangkut paut dengan rayuan itu. Sa-lepas seorang saksi yang di-sebutkan di-atas di-soal oleh Hakim Pilihan Raya itu, saksi tersebut itu boleh di-soal oleh atau bagi pihak orang yang membuat rayuan dan orang yang melawan rayuan itu, atau salah seorang daripada mereka.

(4) Semua perkara yang berhubung dengan sesuatu rayuan pilihan raya yang belum selesai boleh di-uruskan dan di-putuskan oleh mana² Hakim Mahkamah Tinggi melainkan jika di-perintahkannya oleh Hakim Besar.

Siapa yang boleh menyampaikan rayuan.

34. Suatu rayuan pilihan raya boleh di-sampaikan kepada Mahkamah Tinggi oleh salah seorang atau lebih daripada orang² yang di-bawah ini, ia itu —

- (a) sesiapa yang telah mengundi atau berhak mengundi dalam pilihan raya yang di-nyatakan dalam rayuan itu;
- (b) sesiapa yang menuntut mempunyai hak untuk di-ishtiharkan terpilih atau telah di-pilih dalam pilihan raya tersebut itu;

- (c) sesiapa yang mengaku diri-nya telah menjadi saorang chalun dalam pilehan raya itu.

Perkara²
rayuan yang
boleh di-
tuntut.

35. Orang yang membuat rayuan itu berhak menuntut perkara² rayuan yang ia-nya berhak menuntut dalam mana² rayuan pilehan raya, ia-itu —

- (a) satu pengakuan bahawa pilehan raya itu tiada sah;
- (b) satu pengakuan bahawa orang itu tiada di-pilih dengan semporna atau tiada patut di-ishtiharkan terpilih;
- (c) satu pengakuan bahawa mana² chalun telah di-pilih dengan semporna dan patut di-ishtiharkan terpilih;
- (d) satu pemereksaan undi yang rasmi apabila kerusi itu di-tuntut bagi saorang chalun yang tiada berjaya atas alasan ia mempunyai undi² sah yang ter-banyak.

Pengesahan
Hakim berken-
aan dengan
sah-nya
chah raya.

36. Sa-telah tamat perbicharaan sa-suatu rayuan pilehan raya maka Hakim Pilehan Raya itu hendak-lah menentukan sama ada chalun yang perishtiharan atau pemilehan-nya menjadi perkara yang di-rayukan itu, atau mana² chalun lain atau sesiapa, telah di-ishtiharkan atau di-pilih dengan semporna, atau sama ada pemilehan itu terbatal, dan hendak-lah ia mengesahkan ketentuan-nya itu kepada Sultan. Sa-telah pengesahan tersebut di-beri, ketentuan tersebut itu ada-lah mu'tamad; dan perkara ia diishtiharkan terpilih itu hendak-lah di-i'tiraf atau di-ubah, atau dalam masa sa-bulan sa-telah di-tentukan perkara tersebut itu Sultan hendak-lah mengeluarkan pemberitahu tentang pilehan raya dalam kawasan pemilehan, bahagian mengundi atau daerah mengundi yang berkenaan, sabagaimana yang dikehendaki, mengikut pengesahan tersebut itu.

Penyata Hakim berkenaan dengan perbuatan yang tiada betul dan yang salah di-sisi undang2.

37. (1) Sa-telah tamat perbicharaan sa-suatu rayuan pilehan raya maka Hakim Pilehan Raya hendak-lah juga menyatakan dengan bersurat kepada Sultan —

- (a) sama ada telah di-buktikan atau tiada bahawa apa2 perbuatan yang tiada betul atau yang salah di-sisi undang2 telah di-lakukan dengan di-ketahui dan di-persetujui oleh mana2 chalun dalam pilehan raya itu, atau oleh wakil-nya, dan jenis perbuatan yang tiada betul dan yang salah di-sisi undang2 itu, jika ada; dan
- (b) nama2 dan perihal2 mengenai semua orang2, jika ada, yang telah di-buktikan bersalah dalam perbicharaan itu kerana melakukan apa2 perbuatan yang tiada betul atau yang salah di-sisi undang2.

(2) Sa-belum sesiapa, yang bukan menjadi satu pehak kepada sa-suatu rayuan pilehan raya dan bukan menjadi saorang chalun yang di-tuntut kerusi-nya oleh sa-suatu rayuan pilehan raya, di-nyatakan oleh saorang Hakim Pilehan Raya di-bawah bab ini, maka Hakim Pilehan Raya itu hendak-lah memberi orang tersebut itu peluang untok memberi keterangan dan memanggil orang memberi keterangan untok menunjukkan mengapa ia tiada patut di-nyatakan demikian.

(3) Apakala saorang Hakim Pilehan Raya menyatakan bahawa satu perbuatan yang tiada betul atau yang salah di-sisi undang2 telah di-lakukan oleh sesiapa, maka orang itu hendak-lah terta'alok kepada perkara2 yang di-luchutkan hak-nya sa-olah2 pada tarikh penyata tersebut itu ia telah di-jatuhkan hukuman ka-atas-nya kerana melakukan perbuatan itu dan sa-saorang itu hendak-lah terta'alok kepada perkara2 yang di-luchutkan hak-nya jika ia telah menjadi saorang chalun dalam pilehan raya itu dan Hakim Pilehan Raya mengadu bahawa perbuatan yang tiada betul atau yang salah di-sisi undang2 itu

telah di-lakukan dengan pengetahuan dan persetujuan-nya atau di-lakukan oleh wakil-nya.

(4) Sultan hendak-lah memerentahkan supaya satu salinan penyata tersebut itu di-siarkan dalam *Warta Kerajaan*, dan ada-lah menjadi kewajipan tiap² orang pegawai pendaftar untuk menyelidek penyata itu dengan serta merta dan dengan serta merta memotong daripada daftar atau sinarai pemilih² yang di-berikan kapada-nya nama tiap² orang yang terdapat dalam penyata itu tiada boleh mengundi dalam sa-suatu pilehan raya.

Masa menyampaikan rayuan.

38. (1) Tiap² rayuan pilehan raya hendak-lah di-sampaikan dalam masa dua puluh satu hari daripada tarikh di-siarkan keputusan pilehan raya itu dalam *Warta Kerajaan*.

Dengan syarat bahawa —

- (a) sa-suatu rayuan pilehan raya yang membantah sa-saorang itu di-ishtiharkan terpilih atau di-pilih atas alasan ia melakukan satu perbuatan yang tiada betul dan rayuan itu terang² mengatakan suatu bayaran wang telah di-buat atau lain² perbuatan telah di-lakukan dari semenjak tarikh yang di-sebutkan di-atas oleh orang yang di-bantah pemilihan-nya itu atau oleh sa-orang wakil-nya atau di-buat atau di-lakukan oleh orang itu atau wakil chalun dalam pilehan raya bagi-nya dengan sulit kerana menurut atau melanjutkan perbuatan yang tiada betul yang tersebut itu, boleh di-sampaikan pada bila² masa dalam tempoh dua puluh delapan hari sa-lepas tarikh bayaran tersebut itu di-buat atau sa-lepas perbuatan tersebut itu di-lakukan sa-lagi rayuan itu berthabit dengan perbuatan yang tiada betul yang tersebut itu;

- (b) sa-suatu rayuan pilehan raya yang membantah sa-saorang itu di-ishtiharkan terpilih atau di-pilih dengan sebab di-katakan ia telah melakukan suatu perbuatan yang salah di-sisi undang2, boleh di-sampaikan dalam masa yang di-bawah ini, sa-lagi rayuan itu berthabit dengan perbuatan yang salah di-sisi undang2, ia-itu :
- (i) pada bila2 masa sa-belum habis tempoh empat belas hari sa-lepas tarikh di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* pemberitahu yang di-kehendaki oleh bab 24 mengenai perbelanjaan2 pilehan raya bagi orang yang di-bantah pemilihannya itu;
 - (ii) jika rayuan pilehan raya itu terang2 mengatakan bahawa suatu bayaran wang telah di-buat atau apa2 perbuatan telah di-lakukan semenjak tarikh yang tersebut oleh orang yang di-bantah pemilihan-nya atau oleh saorang wakil-nya atau di-buat atau di-lakukan dengan sulit oleh orang itu atau wakil chalun dalam pilehan raya bagi-nya kerana menurut atau melanjutkan perbuatan yang salah di-sisi undang2 yang di-katakan dalam rayuan itu, maka rayuan itu boleh-lah di-sampaikan pada bila2 masa dalam tempoh dua puluh delapan hari sa-lepas tarikh bayaran tersebut itu di-buat atau perbuatan tersebut itu di-lakukan.

(2) Sa-suatu rayuan pilehan raya yang di-sampaikan dalam masa yang di-tentukan, bagi maksud membantah sa-saorang itu di-ishtiharkan terpilih atau di-pilih dengan sebab di-katakan ia melakukan

satu perbuatan yang tiada betul atau yang salah di sisi undang², boleh di-pinda dengan kebenaran saorang Hakim Mahkamah Tinggi dalam tempoh sesuatu rayuan pilehan raya yang membantah perkara sa-saorang itu di-ishtiharkan terpilih atau di-pilih dengan sebab itu boleh di-sampaikan.

(3) Bagi maksud² bab ini, apakala ada sebab yang di-luluskan kerana gagal membuat dan menghantar penyata dan keterangan² yang berthabit dengan perbelanjaan² pilehan raya, maka tarikh di-luluskan sebab itu, atau jika gagal di-masokkan dua atau beberapa butir² dan sebab itu di-luluskan pada masa² yang berlainan, maka tarikh di-luluskan sebab yang akhir itu hendak-lah menggantikan tarikh di-siarkan pemberitahu yang di-sebutkan dalam fasal kecil (i) dari fasal (b) dalam syarat bagi cheraian (1) dari bab ini.

Perkara melarang menyatakan undi.

39. Tiada saorang pemilih yang telah mengundi dalam mana² pilehan raya, yang boleh di-minta menyatakan siapa yang telah di-undi-nya, dalam apa² perbicharaan yang membantah sa-saorang itu di-pilih.

Undi² yang hendak di-potong pada masa di-jalankan pemereksaan undi yang rasmi.

40. (1) Pada masa di-jalankan pemereksaan undi yang rasmi dalam perbicharaan mengenai suatu rayuan pilehan raya, ha-nya undi² yang tersebut di bawah ini sahaja yang akan di-potong, ia-itu —

- (a) undi mana² orang yang nama-nya tidak ada di-dalam daftar atau sinarai pemilih² yang di-berikan ka-tempat buang undi di-mana undi itu telah di-rekodkan itu atau undi mana² orang yang tiada di-benarkan mengundi di-tempat buang undi tersebut itu;
- (b) undi mana² orang yang telah di-perolehi dengan jalan memberi ia makan suap, membelanjakan-nya, atau mem-pengarohi-nya dengan tiada sa-patut-nya;
- (c) undi mana² orang yang telah menyamakan diri atau yang telah men-

patkan orang menyamakan diri dalam pilihan raya itu;

- (d) apakala pilihan raya itu satu pilihan raya biasa, undi mana2 orang yang dibuktikan telah mengundi dalam lebeh daripada sa-buah kawasan pemilihan, bahagian mengundi atau daerah mengundi dalam pilihan raya biasa tersebut itu;
- (e) undi mana2 orang yang tiada boleh mengundi dalam pilihan raya dengan sebab ia-nya di-jatuhkan satu hukuman ka-atas-nya kerana melakukan satu perbuatan yang tiada betul atau yang salah di-sisi undang2 atau dengan sebab penyata saorang Hakim Pilihan Raya, atau dengan sebab ia-nya di-jatuhkan hukuman ka-atas-nya kerana melakukan satu kesalahan di-bawah bab 3;
- (f) undi2 yang di-beri oleh saorang kepada saorang chalun yang telah di-luchutkan hak-nya dengan di-ketahui-nya bahawa chalun itu telah di-luchutkan hak-nya atau di-ketahui-nya perkara2 yang menyebabkan chalun itu di-luchutkan hak-nya, atau sa-telah di-beri tahu kepada orang ramai dengan sa-chukup-nya tentang keluchutan hak chalun itu, atau apakala keluchutan hak itu perkara2 yang menyebabkan keluchutan hak itu terlampau terang kepada orang ramai.

(2) Di-kechualikan berkenaan dengan perkara yang di-sebut dalam fasal (e) dari cheraian (1) dari bab ini, undi saorang pemilih yang berdaftar tiada boleh di-potong dalam pemereksaan undi yang rasmi dengan sebab hanya pengundi itu tiada berkelayakan di-masokkan nama-nya dalam daftar atau sinarai pemilih2.

(3) Pada masa di-jalankan pemereksaan undi yang rasmi, mana2 undi ganti yang telah di-buktikan

sah, hendak-lah di-champorkan dengan undi² yang di-kira itu atas permohonan mana² pehak pada rayuan itu.

Keputusan pegawai pengurus menolak undi ada-lah mu'tamad.

41. Keputusan pegawai pengurus di-atas sesuatu rayuan pilihan raya tiada boleh di-soal lagi, sama ada sa-keping kertas undi itu hendak di-tolak atau tiada, di-bawah mana² undang² bertulis mengenai pilihan raya itu.

Chara dan perkara yang hendak di-jalankan mengenai rayuan² pilihan raya.

42. (1) Chara dan perkara yang hendak di-jalankan mengenai rayuan² pilihan raya akan di-tetapkan oleh atoran² mahkamah.

(2) Atoran² yang terkandung dalam Jadual Kedua hendak-lah berjalan kuat-kuasa-nya, hingga diubah atau di-batalkan oleh atoran² mahkamah.

JADUAL PERTAMA

(Bab 5(1))

BORANG A

UNDANG² KESALAHAN² PILEHAN RAYA, 1961.

BORANG SUMPAH MENYIMPAN RAHSIA.

Saya bersumpah bahawa di-dalam pilihan raya ini bagi kawasan pemilihan/bahagian mengundi/daerah mengundi saya tiada akan membuat apa² jua pun yang di-larang oleh bab 5* dalam Undang² Kesalahan² Pilihan Raya, 1961, yang telah di-bachakan kepada saya.

Bertarikh haribulan 19 ..

.....
Tanda tangan orang yang mengangkat sumpah.

Di-hadapan saya :

..... Tanda-tangan

Pengurus atau Ahli Surohanjaya Pilihan Raya.
Pengadil Mahkamah (Majisteret).
Pesurohjaya Sumpah.
Penyelia Pilihan² Raya.

* Bab ini hendak-lah di-bachakan kepada orang yang mengangkat sumpah itu oleh orang yang menyaksikan surat sumpah itu.

BORANG B

(Bab 23(1))

UNDANG2 KESALAHAN2 PILEHAN RAYA, 1961.

PENYATA MENGENAI PERBELANJAAN2
PILEHAN RAYA.

Kawasan Pemilihan Bahagian Mengundi Daerah Mengundi	}	Nama chalun
		Nama wakil chalun dalam pilihan raya

RISIT2. Peringatan 1. Beri butir2 lanjut berkenaan dengan apa2 wang, jaminan, atau barang yang berharga yang di-terima berthabit dengan perbelanjaan2 yang telah di-belanjakan kerana atau berhubung dengan atau berkaitan dengan pilihan raya itu. Butir2 lanjut berkenaan dengan wang atau jaminan yang di-beri oleh chalun misti-lah di-masokkan.

Nama penderma	Peri Hal2 (Persatuan, Kelab, Persekutuan atau diri sa-sorang)	Jenis Dermâ (Pembelian wang, pinjaman, pertarohan, d.l.l.)	Banyak-nya	
			\$	¢
Jumlah				

PERBELANJAAN2 PERSENDIRIAN YANG DI-BAYAR OLEH CHALUN. Peringatan 2. Semua bayaran2 hendak-lah di-sokong dengan sa-keping bil yang menyatakan butir2, di-kechualikan sabagaimana yang di-syaratkan oleh bab 16 dari Undang2 Kesalahan2 Pilehan Raya, 1961.

Nama orang yang menerima bayaran	Peri Hal2 mengenai perkhidmatan yang di-bayar.	Nyatakan sama ada bil di-kembarkan. Ada/Tiada. (Lihat Peringatan 2).	Banyak-nya	
			\$	¢
Jumlah				

PERBELANJAAN² YANG LAIN. Sila *Lihat* Peringatan 2 di-atas.

Peri Hal ²	Bilangan Sinarai yang di-kembarkan	Banyak-nya	
		\$	¢
Bayaran ² kepada wakil ² , kerani ² dan utusan ² , seperti dalam sinarai.			
Perbelanjaan ² perjalanan orang ² yang disebutkan di-atas, seperti dalam sinarai			
Perbelanjaan ² perjalanan orang ² lain, seperti dalam sinarai.			
Chap Mengechap.			
Plan.			
Alat Menulis.			
Bayaran ² pos, taligram dan talipon.			
Sewa bilek ² kerana perjumpaan ² orang ramai atau sabagai bilek ² Jawatan ² Kuasa.			
Lesen ² .			
Berbagai ² perbelanjaan ² , seperti dalam sinarai.			
Perbelanjaan ² bagi orang yang di-benarkan, seperti dalam sinarai.			
Tuntutan ² yang di-bangkang, seperti dalam sinarai.			
Tuntutan ² yang tiada di-bayar, seperti dalam sinarai.			
	Jumlah		

PENGAKUAN

Hendak-lah di-isi oleh wakil.

Saya,
 wakil chalun dalam pilihan raya, membuat penyata yang di-atas ini mengenai perbelanjaan² pilihan raya bagi chalun yang tersebut dalam pilihan raya yang tersebut dan mengesahkan bahawa sa-panjang yang saya perchayai penyata ini adalah lengkap dan betul.

Tanda Tangan

Tarikh

Hendak-lah di-isi oleh chalun yang menjalankan kerja sabagai wakil-nya sendiri.

Saya,
 menjalankan kerja sabagai wakil chalun dalam pilihan raya saya sendiri, membuat penyata yang di-atas ini mengenai perbelanjaan² pilihan raya saya dalam pilihan raya tersebut dan mengesahkan bahawa sa-panjang yang saya perchayai perbelanjaan² itu ada-lah penoh dan betul.

Tanda Tangan

Tarikh

BORANG C

(Bab 23 (2))

UNDANG2 KESALAHAN2 PILEHAN RAYA, 1961.

KETERANGAN YANG DI-BUAT DENGAN
JALAN SUMPAH OLEH CHALUN

Saya,
 yang menjadi chalun bagi pilehan raya dalam kawasan pemilihan/bahagian mengundi/daerah mengundi
 dengan ini mengaku (atau bersumpah) dengan sa-sungguh-nya bahawa penyata mengenai perbelanjaan2 pilehan raya yang di-atas ini ada-lah benar menurut sa-panjang yang saya ketahui dan perchayai dan sa-lain daripada perbelanjaan2 yang tersebut di-dalam-nya, sa-panjang yang saya ketahui dan perchayai tiada-lah apa2 jua pun perbelanjaan2 yang telah di-belanjakan dalam atau bagi maksud2 saya menjadi chalun.

Bertarikh haribulan 19

.....
 Chalun.

Mengaku (atau bersumpah) dengan sa-sungguh-nya di-hadapan saya.

.....
 Pengurusi atau Ahli Surohanjaya Pilehan Raya.
 Pengadil Mahkamah (Majisteret).
 Pesurohjaya Sumpah.
 Penyelia Pilehan2 Raya.

BORANG D

(Bab 23(2))

UNDANG² KESALAHAN² PILEHAN RAYA, 1961.

KETERANGAN YANG DI-BUAT DENGAN
JALAN SUMPAH OLEH SAORANG WAKIL
CHALUN DALAM PILEHAN RAYA.

Saya,
yang di-lantek menjadi wakil chalun dalam pilehan raya
bagi
saorang chalun pilehan raya dalam kawasan pemilihan
bahagian mengundi/daerah mengundi
dengan ini mengaku (atau bersumpah) dengan sa-sunggoh-
nya bahawa penyata mengenai perbelanjaan² pilehan raya
yang di-sebutkan di-atas ini ada-lah benar menurut sa-pan-
jang yang saya ketahui dan perchayai dan sa-lain daripada
perbelanjaan² yang tersebut di-dalam-nya, sa-panjang yang
saya ketahui dan perchayai tiada-lah apa² jua pun perbe-
lanjaan² yang telah di-belanjakan dalam atau bagi maksud²
..... itu menjadi chalun.

Bertarikh haribulan, 19 .. .

.....
Wakil chalun dalam pilehan raya.

Mengaku (atau bersumpah) dengan sa-sunggoh-nya di-
hadapan saya.

.....
Pengurus atau Ahli Surohanjaya Pilehan Raya.
Pengadil Mahkamah (Majisteret).
Pesurohjaya Sumpah.
Penyelia Pilehan² Raya.

BORANG E

(Bab 26A)

UNDANG2 KESALAHAN2 PILEHAN RAYA, 1961.

KEBENARAN DI-BAWAH BAB 26A.

Saya, yang menjadi wakil chalun dalam pilehan raya bagi saorang chalun pilehan raya dalam kawasan pemilehan/ bahagian mengundi/daerah mengundi, dengan ini membenarkan dari untok merayu undi dan memberi ucapan2 dalam perjumpaan2 orang ramai bagi pihak chalun yang tersebut di-atas ini.

Bertarikh haribulan, 19 .. .

.....
Wakil chalun dalam pilehan raya.

JADUAL KEDUA

(Bab 42(2))

Gelaran pendek. 1. Atoran² ini boleh di-gelar sabagai Atoran² Rayuan² Pilehan Raya, 1961.

Tafsir. 2. Dalam Atoran² ini, kechuali jika maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang lain —

Undang² No. 22 tahun 1957. “Peguam” berma'ana sa-saorang yang telah di-daftarkan di-bawah Undang² Peguam², 1957 ;

“Hakim” berma'ana Hakim Pilehan Raya sabagaimana yang di-ijmalkan dalam bab 2 Undang² Kesalahan² Pilehan Raya, 1961 ;

“Pendaftar” berma'ana Pendaftar Mahkamah Tertinggi bagi Sarawak, Borneo Utara dan Brunei dan termasuk saorang Penolong Pendaftar ;

“Undang²” berma'ana Undang² Kesalahan² Pilehan Raya, 1961.

Chara menyampaikan rayuan. 3. (1) Sa-suatu rayuan pilehan raya hendak-lah di-sampaikan dengan menghantarkan-nya ka-pejabat Pendaftar, dan Pendaftar atau pegawai pejabat-nya yang menerima rayuan itu, jika di-kehendaki, hendak-lah memberi satu risit saperti di-bawah ini :

Di-terima pada haribulan tahun 19, di-Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tertinggi, satu rayuan mengenai pemilihan A. B., bagi yang di-katakan telah di-tandatangani oleh (tuliskan nama² orang yang membuat rayuan itu).

C.D.,

Pendaftar, atau pegawai lain yang menerima rayuan itu.

(2) Hendak-lah juga di-berikan dua salinan rayuan itu.

Kandongan² dan borang rayuan pilehan raya. 4. (1) Sa-suatu rayuan pilehan raya hendak-lah mengandongi keterangan² yang tersebut di-bawah ini :

(a) hendak-lah di-nyatakan di-dalam-nya hak orang yang membuat rayuan itu untok merayu mengikut bab 34 dari Undang² ;

(b) hendak-lah di-nyatakan di-dalam-nya bila-kah pilehan raya itu di-adakan serta keputusan pilehan raya

itu, dan hendak-lah di-nyatakan dengan ringkas perkara2 dan alasan2 permohonan itu di-sandarkan.

(2) Rayuan itu hendak-lah di-bahagi kepada beberapa fasal, tiap2 satu fasal hendak-lah, dengan sa-berapa yang boleh, di-untukkan kepada sa-suatu bahagian perkara itu yang tertentu, dan tiap2 fasal itu hendak-lah di-beri nombor yang tersusun, dan tiada apa2 belanja membuat atau menyalin mana2 rayuan dengan tiada menurut Atoran ini boleh di-benarkan, melainkan jika di-perentahkan sa-baleknya oleh Mahkamah atau seorang Hakim.

(3) Rayuan itu hendak-lah di-akhiri dengan membuat permohonan ia-itu, mithal-nya, bahawa si-polan2 itu hendak-lah di-ishtiharkan terpilih atau di-pilih dengan sah, atau bahawa pilihan raya itu hendak-lah di-ishtiharkan tiada sah, dan rayuan itu hendak-lah di-tanda-tangani oleh semua orang2 yang membuat rayuan itu.

(4) Borang yang berikut, atau borang yang sa-umpama dengan-nya, ada-lah memadai :

**DI-DALAM MAHKAMAH TERTINGGI
SARAWAK, BORNEO UTARA DAN BRUNEI.**

UNDANG2 KESALAHAN2 PILEHAN RAYA, 1961.

Pilihan raya bagi (nyatakan kawasan pemilihan, bahagian mengundi atau daerah mengundi) yang di-adakan pada haribulan 19

Rayuan A dari (atau A., dari dan B. dari mengikut sabagaimana yang di-kehendaki) yang menandatangani di-bawah ini.

(1) Orang yang membuat rayuan A. ini ia-lah seorang yang telah mengundi (atau mempunyai hak mengundi, mengikut sabagaimana yang di-kehendaki) dalam pilihan raya yang tersebut di-atas (atau menuntut bahawa ia berhak di-ishtiharkan terpilih dalam pilihan raya yang tersebut di-atas, atau telah menjadi seorang chalun dalam pilihan raya yang tersebut di-atas), dan orang yang membuat rayuan B. ini (nyatakan di-sini hak tiap2 orang yang membuat rayuan itu sama seperti di-atas) ;

(2) Dan orang2 yang membuat rayuan ini menyatakan bahawa pilihan raya itu telah di-adakan pada haribulan.....19....., apakala A.B., C.D. dan E.F. menjadi chalun2 dalam pilhan raya itu, dan Pegawai Pengerus telah mengishtiharkan bahawa A.B. telah di-pilih dengan sah.

(3) Dan orang² yang membuat rayuan ini mengatakan bahawa (nyatakan di-sini perkara² dan alasan² orang² yang membuat rayuan itu bersandar).

Dengan hal yang demikian itu orang² yang membuat rayuan ini meminta supaya di-buat ketentuan bahawa A.B. yang tersebut itu telah tidak di-ishtiharkan terpilih atau di-pilih dengan semporna, dan bahawa pemilihan-nya itu tiada sah (atau bahawa E.F. yang tersebut telah di-pilih dengan semporna dan sa-patut-nya di-ishtiharkan telah terpilih).

(Tanda tangan) A.

B.

Keterangan
tiada payah
di-nyatakan
dalam rayuan.
Butir².

5. Keterangan tiada payah di-nyatakan dalam rayuan itu, tetapi Hakim itu, sa-telah di-pohon dengan bersurat oleh sa-orang pehak yang melawan rayuan itu, boleh-lah memerintahkannya supaya di-beri butir² yang mustahak bagi mengelakkan perkara yang mengejut dan perbelanjaan yang tiada mustahak, dan supaya dapat di-adakan satu perbicharaan yang adil dan mu'tamad mengikut syarat² berkenaan dengan belanja² dan lain² perkara sa-bagaimana yang boleh di-perentahkan.

Jika rayuan
mengenai pil-
chan raya itu
di-buat lebih
daripada satu.

6. Jika rayuan mengenai perkara sa-saorang itu di-pilih atau di-ishtiharkan terpilih di-buat lebih daripada satu, maka semua rayuan² tersebut itu hendak-lah di-uruskan sabagai satu rayuan, sa-takat mana yang mengenai penyiasatan pada rayuan itu.

Sinarai undi²
yang di-bang-
g jika
si di-
tuntut oleh
chalun yang
tiada berjaya.

7. Apabila sa-orang yang merayu menuntut supaya kursi itu di-berikan kepada saorang chalun yang tiada berjaya, dengan mengatakan bahawa chalun itu mendapat undi yang sah dengan terbanyak, maka pehak yang membuat rayuan mempertahankan sa-saorang itu di-pilih atau di-ishtiharkan terpilih hendak-lah, dalam tempoh enam hari sa-belum hari yang di-tetapkan untuk perbicharaan, menghantar kepada Pendaftar, dan juga kepada 'alamat, jika ada, yang di-beri oleh orang yang membuat rayuan itu dan orang yang menentang rayuan itu, satu sinarai mengandongi undi² yang hendak di-bangkang itu, dan sebab² yang besar mengapa tiap² undi tersebut itu di-bangkang, dan Pendaftar hendak-lah membenarkan semua pehak² yang berkenaan memeriksa salinan² sinarai² tersebut itu ia-itu salinan² untuk kegunaan pejabat ; dan tiada apa² keterangan boleh di-beri menentang akan sah-nya sa-suatu undi, atau pada apa² sebab bangkangan yang besar yang tiada di-sebutkan dalam sinarai itu, melainkan dengan kebenaran Hakim, mengikut syarat² berkenaan dengan meminda sinarai itu, menanggohkan penyiasatan itu, dan membayar belanja² sabagaimana yang boleh di-perentahkan.

Sinarai bangkangan2 dalam perkara yang ada tudoh menudoh.

8. Orang yang melawan sa-suat rayuan yang menda'wa bahawa sa-saorang yang di-ishtiharkan terpilih itu tiada sah dan menuntut supaya kursi itu di-berikan kepada sesia-pa boleh-lah memberi keterangan untuk membuktikan bahawa tiada patut-nya di-pilih orang tersebut itu, dan dalam perkara tersebut itu orang yang melawan itu hendak-lah, enam hari sa-belum hari yang di-tetapkan untuk bichara itu, menghantarkan kepada Pendaftar, dan juga kepada alamat, jika ada, yang di-beri oleh orang yang membuat rayuan itu, satu sinarai perkara2 yang ia berchadang hendak bersandar bagi membangkang pemilihan itu, dan Pendaftar hendak-lah membenarkan salinan2 sinarai2 itu ia-itu salinan2 untuk kegunaan pejabat di-pereksa oleh semua pihak2 yang berkenaan ; dan tiada apa2 keterangan yang boleh di-beri oleh orang yang melawan apa2 perkara yang di-bangkang itu yang tiada di-sebutkan dalam sinarai itu, melainkan dengan kebenaran Hakim, mengikut syarat2 berkenaan dengan meminda sinarai itu, menanggohkan penyiasatan itu, dan membayar belanja2 sabagaimana yang boleh di-perentahkan.

Orang yang membuat rayuan melantek melantek peguam.

9. Orang atau orang2 yang membuat rayuan hendak-lah memberikan ka-pejabat Pendaftar bersama2 rayuan itu satu surat, yang di-tanda-tangani-nya atau di-tanda-tangani oleh mereka, menyebutkan nama saorang peguam yang di-benarkan-nya atau di-benarkan mereka menjadi peguam-nya atau peguam mereka atau menyatakan bahawa ia mewakili diri-nya sendiri atau mereka mewakili diri mereka sendiri, mengikut mana yang di-kehendaki, dan dalam salah satu daripada dua chara ini, hendak-lah ia atau mereka memberi satu 'alamat dalam Negeri untuk menghantarkan pemberitahu2 ; dan jika surat atau 'alamat tersebut itu tiada di-berikan, maka semua pemberitahu2 boleh-lah di-beri dengan memberikan-nya ka-pejabat Pendaftar itu. Tiap2 surat tersebut itu hendak-lah di-buboh stem dengan chukai-nya di-bayar di-bawah undang2 yang berjalan kuat kuasa-nya pada masa itu.

Orang yang melawan rayuan melantek melantek peguam.

10. Sa-saorang yang telah di-ishtiharkan terpilih boleh-lah pada bila2 masa, sa-lepas ia di-ishtiharkan terpilih, menghantar atau memberikan ka-pejabat Pendaftar satu surat, yang di-tanda tangani oleh-nya bagi pihak diri-nya, melantek saorang peguam menjadi peguam-nya jika sekira-nya ada sa-suat rayuan menentang-nya, atau menyatakan bahawa ia bertujuan hendak mewakili diri-nya sendiri, dan dalam salah satu daripada dua chara ini, memberi suatu 'alamat dalam Negeri untuk menghantarkan pemberitahu2 yang di-alamatkan kepada-nya, dan jika surat atau 'alamat tersebut itu tiada di-beri, maka semua pemberitahu2 dan surat2 bichara boleh-lah di-beri atau di-sampaikan dengan memberikan-nya ka-pejabat Pendaftar. Tiap2 surat tersebut itu hendak-lah

di-buboh stem dengan chukai-nya di-bayar di-bawah undang² yang berjalan kuat kuasa-nya pada masa itu.

Pendaftar hendak-lah menyimpan buku yang mengandongi dalamat dan nama² peguam².

11. Pendaftar hendak-lah memerentahkan supaya suatu buku di-simpan di-pejabat-nya, dalam buku yang mana hendak-lah di-tuliskan segala dalamat² dan nama² peguam² yang di-beri di-bawah Atoran 9 atau Atoran 10 dari Atoran² ini dan buku itu boleh-lah di-pereksa oleh sesiapa pun dalam masa pejabat-nya terbuka.

Orang yang merayu hendak-lah membuat jaminan kerana belanja² rayuan pilehan raya, d.l.l.

12. (1) Pada masa menyampaikan rayuan, atau dalam masa tiga hari sa-lepas itu, jaminan untuk membayar semua belanja², bayaran², dan perbelanjaan² yang boleh di-kena bayar oleh orang yang merayu itu hendak-lah di-buat bagi pehak orang yang membuat rayuan itu.

(2) Jaminan itu hendak-lah sa-banyak tiada kurang daripada lima ratus ringgit. Jika tudohan² dalam sa-suatu rayuan itu lebeh daripada tiga, bagi tiap² satu tudohan yang lebeh daripada tiga tudohan² yang mula² itu maka hendak-lah di-buat jaminan tambahan sa-banyak dua ratus lima puluh ringgit. Jaminan yang di-kehendaki oleh Atoran ini hendak-lah di-buat dengan jalan satu pertarohan wang.

(3) Jika jaminan yang di-adakan dalam Atoran ini tiada di-buat oleh orang yang membuat rayuan itu, maka rayuan itu tiada-lah boleh di-jalankan, dan orang yang melawan rayuan itu boleh-lah memohon kepada Hakim supaya mengeluarkan satu perintah untuk menolak rayuan itu dan supaya membayar belanja² orang yang melawan rayuan itu. Belanja² membicharakan dan memutuskan permohonan tersebut itu hendak-lah di-bayar sa-bagaimana yang di-perentahkan oleh Hakim itu, dan jika perintah tersebut itu tiada di-ikut maka belanja² itu hendak-lah di-sifatkan menjadi sabahagian daripada belanja² ‘am rayuan itu.

Jaminan dengan mem-bayar wang petarohan.

13. (1) Wang petarohan yang menjadi jaminan untuk mem-bayar belanja² bayaran² dan perbelanjaan² yang di-kena bayar oleh orang yang membuat rayuan itu hendak-lah di-bayar kepada pegawai yang layak, wang petarohan yang mana hendak-lah di-pindahkan kepada nama Hakim Besar dan di-keluarkan oleh-nya dari semasa ka-semasa bagi mak-sud² yang jaminan itu di-kehendaki oleh Peratoran² ini. Satu risit hendak-lah di-beri oleh pegawai yang layak itu kerana bayaran² tersebut itu, risit yang mana hendak-lah di-serahkan dengan serta merta oleh orang yang membuat rayuan itu ka-pejabat Pendaftar.

(2) Pendaftar hendak-lah menyimpan risit tersebut itu dan mengadakan sa-buah buku yang boleh di-pereksa oleh semua pehak² yang berkenaan, dalam buku yang mana

hendak-lah di-tuliskan dari semasa ka-semasa banyak-nya wang itu dan rayuan yang kena mengena dengan-nya.

Memulangkan wang yang di-taroh demikian.

14. (1) Wang yang di-taroh demikian itu, jika dan bila tiada di-kehendaki lagi kerana menjaminkan belanja², bayaran² dan perbelanjaan² tersebut itu, hendak-lah di-kembalikan atau sebak-nya di-keluarkan dengan perintah Hakim sabagaimana yang di-fikirkan adil.

(2) Perintah tersebut itu boleh-lah di-buat sa-telah di-beri-tahu tujuan hendak meminta balek wang yang di-taroh itu dan sa-telah di-buktikan bahawa semua tuntutan² yang patut telah di-jelaskan atau sebak-nya telah di-ada-kan dengan sa-chukup-nya sabagaimana yang boleh di-perentahkan oleh Hakim.

(3) Perintah tersebut itu boleh memerentahkan supaya di-bayar kepada pehak yang atas nama-nya wang itu di-taroh atau kepada sesiapa yang berhak menerima wang itu.

Pemberitahu rayuan dan salinan rayuan hendak-lah di-sampaikan kepada orang yang melawan rayuan.

15. Dalam masa sa-puluh hari sa-telah rayuan itu di-serahkan, orang yang membuat rayuan itu hendak-lah menyampaikan pemberitahu atas perkara menyerahkan rayuan itu serta dengan satu salinan-nya kepada orang yang melawan rayuan itu. Pemberitahu itu boleh-lah di-sampaikan dengan menghantarkan-nya dan salinan-nya itu kepada peguam yang di-lantek oleh orang yang melawan rayuan itu di-bawah Atoran 10 dari Atoran² ini atau dengan mengepos-kan-nya dengan surat yang beregister kepada alamat yang di-beri di-bawah Atoran 10 dari Atoran² ini, supaya surat itu sampai dalam masa yang di-sebutkan di-atas, mengikut perjalanan pos yang biasa, atau jika tiada saorang peguam di-lantek, atau tiada alamat tersebut itu di-beri, oleh orang yang melawan rayuan itu, maka boleh-lah di-sampaikan satu pemberitahu itu dengan menyiarkan-nya dalam *Warta Kerajaan* menyatakan bahawa rayuan tersebut itu telah di-serahkan, dan satu salinan-nya boleh di-dapatkan oleh orang yang melawan rayuan itu dengan memohon kepada pejabat Pendaftar.

Bila rayuan di-anggapkan menjadi perkara yang hendak di-bicharakan.

16. Apabila habis masa yang di-hadkan bagi membuat rayuan², maka rayuan itu hendak-lah di-anggapkan menjadi perkara yang hendak di-bicharakan.

Sinarai rayuan².

17. Pendaftar hendak-lah membuat sinarai rayuan pilihan raya itu. Di-dalam-nya hendak-lah ia menuliskan nama² peguam² orang² yang membuat rayuan itu dan orang² yang melawan rayuan itu yang di-lantek di-bawah Atoran² 9 dan 10 daripada Atoran² ini, dan juga alamat², jika ada, bagi menghantarkan pemberitahu². Sinarai itu boleh-lah di-pereksa di-pejabat Pendaftar pada bila² masa pejabat terbuka, dan bagi maksud itu hendak-lah ia di-tampalkan

pada suatu papan pemberitahu yang di-untukkan bagi surat2 perbicharaan di-bawah Perintah itu, dan sinarai itu hendaklah di-beri tajok "Undang2 Kesalahan2 Pilehan Raya, 1961."

Masa dan tempat membicharakan rayuan pilehan raya.

18. Masa dan tempat membicharakan tiap2 satu rayuan pilehan raya hendaklah di-tetapkan oleh Hakim, dan orang yang membuat rayuan itu dan orang yang melawan rayuan itu hendaklah di-beritahu akan masa dan tempat itu tiada kurang daripada empat belas hari terlebih dahulu dengan surat yang di-hantarkan ka-alamat yang di-berikan oleh orang yang membuat rayuan itu atau orang yang melawan rayuan itu kepada Pendaftar itu, atau, jika tiada alamat tersebut itu telah di-berikan, hendaklah mereka di-ma'alumkan dengan pemberitahu dalam *Warta Kerajaan*.

Menanggohkan perbicharaan.

19. Hakim boleh, dari semasa ka-semasa, dengan perintah yang di-buat dengan sechara permohonan daripada sesuatu pehak yang berkenaan dengan rayuan itu, menanggohkan permulaan bichara itu ka-suatu tarikh yang boleh di-tetapkan-nya ; dan perintah tersebut itu, apabila di-buat, hendaklah di-siarkan dengan serta merta oleh Pendaftar dalam *Warta Kerajaan*.

Memberhentikan sementara dan menyambung semula perbicharaan.

20. Mahkamah tiada mustahak membuat perintah yang rasmi bagi memberhentikan sementara perbicharaan sa-suatu rayuan pilehan raya, tetapi perbicharan itu ada-lah di-anggapkan telah di-berhentikan sementara, dan bolehlah di-sambung sa-mula dari sa-hari ka-sahari sa-hingga tamat perbicharaan itu ; dan jika sekira-nya Hakim yang memulakan perbicharaan itu uzor kerana sakit atau lain2 hal, maka perbicharaan itu boehlah di-mulakan sa-mula dan di-tamatkan oleh Hakim yang lain.

Menarek balek an pilehan raya.

21 (1) Sa-suatu rayuan pilehan raya tiada boleh di-tarek balek jika tiada dengan kebenaran Hakim. Kebenaran tersebut itu bolehlah di-beri dengan di-kenakan syarat2 yang tertentu dengan membayar belanja2 dan lain2 sabagaimana yang boleh di-fikirkan patut oleh Hakim.

(2) Sa-belum kebenaran menarek balek sa-suatu rayuan pilehan raya di-beri, maka hendaklah di-tunjokkan surat2 bersumpah (affidavits), sabagaimana yang di-kehendaki oleh Atoran ini, oleh semua pehak2 yang berkenaan dengan rayuan itu dan peguam2 mereka, dan oleh wakil2 chalun dalam pilehan raya bagi semua pehak2 yang tersebut yang menjadi chalun2 dalam pilehan raya itu :

Dengan syarat bahawa saorang Hakim Mahkamah Tinggi boleh, dengan sebab yang di-terangkan kapada-nya, menepikan surat bersumpah (affidavit) mana2 orang yang tertentu, jika nampak pada Hakim tersebut itu adil diketepikan dengan alasan2 khas.

(3) Tiap2 surat bersumpah (affidavit) hendak-lah menyatakan bahawa, sa-panjang pengetahuan dan kepercha-yaan orang yang membuat surat bersumpah (affidavit) itu, tiada apa2 jua pun perjanjian atau syarat2 telah di-buat, dan tiada apa2 janji telah di-buat berkenaan dengan perkara menarek balek rayuan itu ; tetapi jika telah di-buat apa2 perjanjian yang sah di-sisi undang2 berthabit dengan menarek balek rayuan itu, maka surat bersumpah (affidavit) itu hendak-lah menerangkan perjanjian itu, dan hendak-lah membuat keterangan yang di-sebutkan dahulu itu terta'alok kapada apa yang di-sebutkan dalam surat bersumpah (affidavit) itu.

(4) Surat2 bersumpah (affidavits) orang yang membuat permohonan itu dan peguam-nya hendak-lah juga menyatakan alasan rayuan itu hendak di-tarek balek.

Chara per-
mohonan hendak
menarek balek
rayuan.

22. (1) Suatu permohonan memohon kebenaran hendak menarek balek sa-suatu rayuan hendak-lah di-buat dengan bersurat yang di-tanda-tangani oleh orang atau orang2 yang membuat rayuan itu atau peguam-nya atau peguam2 mereka. Hendak-lah di-nyatakan alasan bagi menyokong permohonan itu.

(2) Chara yang berikut ada-lah memadai :

“UNDANG2 KESALAHAN2 PILEHAN RAYA, 1961.

Kawasan Pemilihan/Bahagian Mengundi/Daerah
Mengundi rayuan
(nyatakan nama orang yang membuat rayuan) di-sam-
paikan pada haribulan19 ..

Orang yang membuat rayuan ini memohon hendak menarek balek rayuan-nya dengan alasan yang berikut (di-sini nyatakan alasan itu), dan berharap supaya boleh di-tetapkan satu tarikh bagi membicarakan permohon-nya ini.

Bertarikh pada haribulan
19.....

(Tanda Tangan)

(3) Permohonan2 memohon kebenaran hendak menarek balek itu hendak-lah di-berikan ka-pejabat Pendaftar.

Salinan per-
mohonan
hendak-lah
di-berikan
kapada orang
yang melawan
rayuan.

23. Satu salinan permohonan itu hendak-lah di-berikan oleh orang yang membuat rayuan itu kapada orang yang melawan rayuan itu, dan satu pemberitahu saperti berikut yang di-tanda-tangani oleh orang yang membuat rayuan itu hendak-lah di-siarkan dengan serta merta dalam *Warta Kerajaan* oleh orang yang membuat rayuan itu dengan perbelanjaan-nya sendiri ;

“UNDANG² KESALAHAN² PILEHAN RAYA, 1961.

Dalam rayuan pilehan raya bagi yang ia-lah orang yang membuat rayuan dan ia-lah orang yang melawan rayuan itu.

Dengan ini ada-lah di-beritahu bahawa orang yang membuat rayuan yang tersebut di-atas telah pada haribulan, 19....., membuat di-Pejabat Pendaftar Mahkamah Tertinggi satu permohonan hendak menarek balek rayuan itu, yang mana di-bawah ini ia-lah salinan permohonan itu.

(Tuliskan permohonan itu)

Dan ada-lah di-beritahu bahawa di-bawah Atoran² Rayuan² Pilehan Raya, 1961, barang siapa yang harus telah boleh menjadi saorang yang membuat rayuan berthabit dengan pilehan raya yang tersebut itu boleh-lah, dalam masa lima hari sa-lepas tarikh di-siarkan pemberitahu ini, memberitahu dengan surat kapada Pendaftar Mahkamah Tertinggi akan tujuan-nya hendak menggantikan orang yang membuat rayuan untok di-bicharakan permohonan itu.

(Tanda Tangan)

Permohonan hendak menggantikan orang yang membuat rayuan, pada masa rayuan di-tarek balek.

24. Sesiapa yang harus telah boleh menjadi saorang yang membuat rayuan berthabit dengan pilehan raya yang tersebut dalam rayuan itu boleh-lah, dalam masa lima hari sa-lepas pemberitahu tersebut itu di-siarkan oleh orang yang membuat rayuan itu, memberitahu dengan bersurat yang di-tanda-tangani-nya atau di-tanda-tangani bagi pehak-nya, kapada Pendaftar itu, akan tujuan-nya hendak memohon dalam perbicharaan itu supaya ia menggantikan orang yang membuat rayuan itu, tetapi permohonan itu tiada boleh di-tolak dengan sebab tiada di-buat pemberitahu itu, jika permohonan itu di-buat dalam perbicharaan itu.

Masa dan tempat membicharakan permohonan.

25. Masa dan tempat membicharakan permohonan itu hendak-lah di-tetapkan oleh Hakim itu tetapi tiada boleh kurang daripada sa-minggu sa-lepas permohonan memohon kebenaran hendak menarek balek rayuan itu telah di-berikan ka-pejabat Pendaftar sa-bagaimana yang telah di-sharatkan dahulu, dan pemberitahu berkenaan dengan masa dan tempat yang di-tetapkan bagi perbicharaan itu hendak-lah di-berikan kapada orang atau orang², jika ada, yang telah memberitahu Pendaftar itu akan tujuan-nya hendak memohon menggantikan orang² yang membuat rayuan itu atau pun, dengan chara dan pada masa yang di-perintah oleh Hakim itu.

Menggantikan orang lain yang membuat rayuan.

26. (1) Pada masa di-biharakan permohonan hendak menarek balek rayuan itu, sesiapa yang harus telah boleh menjadi saorang yang membuat rayuan yang berthabit dengan pilehan raya yang tersebut dalam rayuan itu, boleh-lah memohon kepada Hakim itu supaya ia menggantikan orang yang membuat rayuan yang hendak menarek balek rayuan itu.

(2) Hakim itu boleh, jika di-fikir-nya patut, mengganti orang yang membuat permohonan itu ; dan sa-lanjut-nya jika pada pendapat Hakim itu perkara hendak menarek balek rayuan yang di-chadangkan itu di-buat oleh kerana ada pemberian makan suap, maka boleh-lah ia dengan perintah memerintahkannya supaya jaminan yang di-buat bagi pehak orang yang mula2 membuat rayuan itu di-jadikan jaminan untok apa2 belanja2 yang boleh di-belanjakan oleh orang yang menggantikan orang2 yang membuat rayuan itu, dan supaya orang yang mula2 membuat rayuan itu di-kenakan membayar belanja2 orang yang menggantikan-nya itu sa-banyak mana yang di-sebutkan dalam jaminan itu.

(3) Jika tiada apa2 perintah yang sedemikian itu di-buat berthabit dengan jaminan yang di-buat bagi pehak orang yang mula2 membuat rayuan itu, maka jaminan sa-banyak mana yang di-kehendaki bagi satu rayuan yang baharu, dan terta'alok kepada syarat2 yang sa-umpama itu, hendak-lah di-buat bagi pehak orang yang menggantikan orang yang membuat rayuan itu sa-belum ia membuat apa2 kepada rayuan-nya, dan dalam masa tiga hari sa-lepas di-buat perintah menggantikan orang yang membuat rayuan itu.

(4) Terta'alok sabagaimana yang tersebut di-atas sa-orang yang menggantikan orang yang membuat rayuan itu hendak-lah hampir2 sama kedudukan-nya dengan orang yang mula2 membuat rayuan itu, dan hendak-lah terta'alok kepada tanggungan2 yang sama saperti yang di-kenakan kepada orang yang mula2 membuat rayuan itu.

(5) Jika suatu rayuan di-tarek balek, maka orang yang membuat rayuan itu boleh di-kenakan membayar belanja2 orang yang melawan rayuan itu.

(6) Apakala orang2 yang membuat rayuan itu ada-lah lebeh daripada saorang, maka permohonan hendak menarek balek rayuan itu tiada boleh di-buat melainkan dengan persetujuan semua orang2 yang membuat rayuan itu.

Membatalkan rayuan oleh kerana kematian.

27. (1) Sa-suatu rayuan pilehan raya hendak-lah di-batalkan oleh kerana orang yang membuat rayuan itu mati atau orang yang tunggal hidup di-antara orang2 yang membuat rayuan itu mati.

(2) Pembatalan sa-suatu rayuan tiada mengganggu² orang yang membuat rayuan itu atau tanggungan² mana² orang lain untuk membayar belanja² yang telah dibelanjakan terdahulu daripada pembatalan itu.

Permohonan hendak menggantikan orang yang membuat rayuan pada masa rayuan dibatalkan.

28. (1) Pemberitahu berkenaan dengan membatalkan sa-suatu rayuan, oleh kerana orang yang membuat rayuan itu mati atau oleh kerana orang yang hidup tunggal di-antara orang² yang membuat rayuan itu mati, hendak-lah di-beri oleh pehak atau orang yang kena mengena dengan rayuan itu sama sabagaimana memberi pemberitahu berkenaan dengan permohonan hendak menarek balek sa-suatu rayuan, dan tempoh membuat permohonan kepada saorang Hakim untuk menggantikan orang yang membuat rayuan itu ia-lah satu bulan, di-kira daripada tarikh di-siarkan pemberitahu berkenaan dengan pembatalan itu atau tempoh yang lebeh lanjut, yang boleh di-benarkan oleh Hakim, sa-telah ia menimbangkan apa² keadaan² yang istimewa.

(2) Sesiapa yang harus telah boleh menjadi saorang yang membuat rayuan yang berthabit dengan pilehan raya yang di-sebutkan dalam rayuan itu boleh memohon kepada Hakim supaya ia menggantikan orang yang membuat rayuan itu.

(3) Hakim boleh, jika di-fikirkan-nya patut, menggantikan orang yang membuat rayuan itu dengan sesiapa orang yang membuat permohonan hendak menggantikan orang yang membuat rayuan itu dan yang bagi pehak-nya ada dibuat jaminan sa-banyak yang di-kehendaki bagi suatu rayuan yang baharu.

Rayuan akan diteruskan bila orang yang mel-
 (1) on rayuan itu i, menarek diri atau memberitahu tiada mahu menentang rayuan itu.

29. (1) Jika sa-belum perbicharaan sa-suatu rayuan pilehan raya orang yang melawan rayuan itu mati atau menarek diri, atau memberitahu dengan bersurat kepada Pendaftar mengatakan ia tiada bertujuan menentang rayuan itu, maka rayuan itu tiada boleh di-batalkan tetapi hendak-lah diteruskan mahu pun ada atau tidak sesiapa yang memohon supaya di-benarkan menjadi orang yang melawan rayuan itu sabagaimana yang akan di-tentukan kemudian daripada ini.

(2) Pemberitahu menyatakan bahawa orang yang melawan rayuan itu telah mati, atau telah menarek diri, atau ia telah memberitahu dengan bersurat bahawa ia tiada bertujuan menentang rayuan itu, hendak-lah di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* oleh Pendaftar.

(3) Sesiapa yang harus telah boleh menjadi saorang yang membuat rayuan yang berthabit dengan pilehan raya yang di-sebutkan dalam rayuan itu boleh memohon kepada Hakim itu supaya ia di-benarkan menjadi orang yang melawan rayuan itu untuk menentang rayuan itu dalam tempoh

sa-puluh hari sa-lepas pemberitahu itu di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* atau dalam tempoh yang lebeh lanjut yang boleh di-benarkan oleh Hakim itu.

(4) Chara dan masa orang yang melawan rayuan itu di-kehendaki pemberitahu Pendaftar bahawa ia tiada bertujuan menentang rayuan itu, ia-lah dengan pemberitahu dengan bersurat yang di-tanda-tangani-nya ka-pejabat Pendaftar itu, dan masa-nya untok ia berbuat demikian ia-lah tiada kurang dari enam hari sa-belum hari pemberitahu dengan bersurat itu.

Orang melawan rayuan yang tiada menentang rayuan tiada boleh hadir sabagai satu pehak.

30. Saorang yang melawan rayuan yang telah pemberitahu tiada bertujuan menentang sa-suatu rayuan tiada boleh di-benarkan hadir sabagai satu pehak atau menjadi satu pehak yang menentang rayuan itu dalam sebarang perbicharaan2.

Membatalkan pemberitahu perbicharaan jika rayuan batal, d.l.l.

31. Sa-telah menerima permohonan orang yang membuat rayuan meminta kebenaran hendak menarek balek rayuan itu atau sa-telah menerima pemberitahu orang yang melawan rayuan itu menyatakan ia tiada bertujuan menentang rayuan itu, atau menyatakan rayuan itu telah batal oleh kerana kematian, atau berlaku-nya salah satu daripada hal2 yang di-sebutkan dalam Atoran 29 dalam Atoran2 ini, maka Pendaftar itu hendak-lah dengan serta merta membatalkan pemberitahu perbicharaan itu, jika pemberitahu tersebut itu di-terima sa-lepas pemberitahu perbicharaan itu di-beri dan sa-belum perbicharaan itu di-mulakan. Surat membatalkan pemberitahu perbicharaan itu hendak-lah di-beri, sa-boleh2-nya, sabagaimana memberi pemberitahu berkenaan dengan perbicharaan itu.

Belanja2.

32. Segala belanja2 menyampaikan dan berkenaan dengan menyampaikan sa-suatu rayuan dan berkenaan dengan perbicharaan2 kerana rayuan itu hendak-lah di-bayar oleh pehak2 yang berthabit dengan rayuan itu dengan chara dan mengikut banyak mana bahagian2 yang boleh di-tetapkan oleh Hakim itu, sa-telah menimbangkan perkara tiada membenarkan mengenakan apa2 belanja2 yang pada fikiran Hakim itu telah di-sebabkan oleh kelakuan2 yang keji, tuduhan2 atau bingkangan2 yang tiada berasas, sama ada di-buat oleh orang yang membuat rayuan atau orang yang melawan rayuan itu dan sa-telah menimbangkan perkara tiada hendak menggalakkan apa2 belanja yang tiada mustahak dengan meletakkan bebanan itu ka-atas pehak yang menyebabkannya, sama ada pehak2 tersebut itu memang atau tidak pada keseluruh-nya berjaya.

Mengonakan bayaran belanja² dan mendapatkannya sa-mula.

33. (1) Belanja² hendak-lah di-kenakan oleh Pendaftar dengan perintah yang memerentahkan belanja² itu di-bayar sabagaimana belanja² yang di-kenakan dalam Mahkamah Tertinggi, tetapi terta'alok kepada perintah² yang nyata yang boleh di-beri oleh Hakim, sama ada 'am atau tertentu ; dan belanja² itu apabila di-kenakan boleh-lah di-dapati sa-mula sabagaimana di-dapati sa-mula belanja² kerana mengambil satu tindakan mengikut undang².

(2) Hakim boleh memerentahkan supaya kesemua atau mana² bahagian wang yang di-taroh sabagai jaminan mengikut kandonan² Atoran² 12 dan 13 dalam Atoran² ini boleh di-pakai bagi membayar belanja² yang di-kenakan.

(3) Bayaran² pejabat kerana memereksa, salinan² surat pejabat dan lain² surat perbicharaan di-bawah Atoran² ini hendak-lah di-bayar sabagaimana yang di-tetapkan oleh Hakim Besar.

Pemberitahu mengenai lantekan peguam.

34. Saorang peguam hendak-lah apabila sahaja ia di-lantek, memberikan pemberitahu yang bertulis ka-pejabat Pendaftar berkenaan dengan lantekan-nya itu.

Menyampaikan pemberitahu² kepada peguam².

35. Menyampaikan pemberitahu² dan surat² perbicharaan kepada peguam² itu ada-lah memadai bagi segala maksud².

Di-luluskan pada 17hb April, 1962.

PENGIRAN MOMIN
Juru Tulis
Majlis Mashuarat Negeri,
Brunei.